

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



UUM
Universiti Utara Malaysia

**KEAMATAN PENGGUNAAN, KEMAHIRAN SWAAWAS DAN
ORIENTASI PRIVASI ORGANISASI TERHADAP
PENGURUSAN PRIVASI FACEBOOK DALAM KALANGAN
PENJAWAT AWAM DI NEGERI KEDAH:
SATU ANALISIS PENGARUH**

JUNAIDI ABDUL RANI @ ABDUL GHANI



UUM
Universiti Utara Malaysia

**SARJANA SAINS PENGURUSAN MEDIA
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2016**



Awang Had Salleh
Graduate School
of Arts And Sciences

Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

JUNAIIDI ABDUL RANI @ ABDUL GHANI

calon untuk Ijazah SARJANA
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

**"KEAMATAN PENGGUNAAN, KEMAHIRAN SWAAWAS DAN ORENTASI PRIVASI ORGANISASI
TERHADAP PENGURUSAN PRIVASI FACEBOOK DALAM KALANGAN PENJAWAT AWAM DI NEGERI
KEDAH: SATU ANALISIS PENGARUH"**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada : **30 Mei 2016.**

*That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on:
May 30, 2016.*

Pengarah Yasa:
(Chairman for VIVA)

Assoc. Prof. Dr. Rozlan Md Ali

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar:
(External Examiner)

Assoc. Prof. Dr. Fauziah Ahmad

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Dalam:
(Internal Examiner)

Dr. Norizah Aripin

Tandatangan
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia:
(Name of Supervisor/Supervisors)

Dr. Mohd Sobhi Ishak

Tandatangan
(Signature)

Tarikh:
(Date) **May 30, 2016**

Kebenaran Merujuk

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan pengurniaan Ijazah Sarjana daripada Universiti Utara Malaysia. Saya dengan ini bersetuju membenarkan pihak perpustakaan Universiti Utara Malaysia mempamerkannya sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik perlulah mendapat kebenaran daripada Penyelia Tesis atau Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences terlebih dahulu. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersil adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penyelidik dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika rujukan terhadap tesis ini dilakukan.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan tesis ini sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya hendaklah dipohon melalui :



UUM
Dekan
Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences
Kolej Sastera dan Sains
Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Abstrak

Facebook merupakan medium komunikasi yang digunakan secara meluas dalam perkhidmatan awam. Namun, banyak isu berkaitan pengurusan privasi maklumat yang boleh menyumbang kepada persepsi masyarakat terhadap integriti dalam kalangan penjawat awam. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh keamatan penggunaan Facebook, kemahiran swaawas, dan pengurusan privasi organisasi terhadap pengurusan privasi Facebook. Kerangka teoritikal kajian ini dibina berdasarkan Teori Pengurusan Komunikasi. Kajian tinjauan keratan rentas telah dijalankan terhadap penjawat awam yang berkhidmat di agensi kerajaan negeri, persekutuan dan badan berkanun di negeri Kedah. Seramai 183 responden yang ditentukan melalui kaedah persampelan rawak telah terlibat dalam kajian ini. Borang soal selidik kajian mengandungi empat instrumen bagi mengukur pemboleh kajian iaitu Facebook Intensity Scale, Self Monitoring Scale, Organizational Privacy Orientation, dan Facebook Privacy Management Scale. Data yang diperolehi telah dianalisis secara deskriptif dalam bentuk min dan sisihan pawai berbantuan SPSS. Manakala analisis inferensi dilaksanakan menggunakan Partial Least Square-Structural Equation Modelling (PLS-SEM) berbantuan SMARTPLS 3.0. Hasil kajian menunjukkan pengurusan privasi organisasi dan kemahiran swaawas memberi pengaruh yang signifikan pada aras keyakinan 5% terhadap keamatan penggunaan Facebook. Selain itu, keamatan penggunaan Facebook, pengurusan privasi organisasi dan kemahiran swaawas turut memberi pengaruh yang signifikan terhadap pengurusan privasi Facebook. Kajian ini menjelaskan peranan faktor penilaian individu dan persekitaran sosial organisasi dalam menentukan pengurusan privasi Facebook. Dapatan kajian ini boleh digunakan bagi merangka program kesedaran berkaitan pengurusan privasi maklumat dalam talian bagi memastikan kredibiliti setiap penjawat awam.

Katakunci: Keamatan penggunaan Facebook, Kemahiran swaawas, Pengurusan privasi organisasi, Pengurusan privasi Facebook

Abstract

Facebook is a communication medium that is widely used in the public service. However, there have been many issues related to information privacy management which can contribute towards society perception on integrity among public servants. This study aimed to identify the effect of the intensity of the use of Facebook, self-monitoring skills, and organization privacy orientation towards managing the Facebook privacy. The theoretical framework of this study is built upon the Theory of Communication Management. A cross-sectional survey was conducted among the civil servants from the state agencies, federal and statutory bodies of Kedah state. A total of 183 respondents, which were identified through a random sampling method, were involved for this study. The questionnaire survey consists of four instruments to measure variables, namely Facebook Intensity Scale, Scale Self-Monitoring, Organizational Privacy Orientation, and Facebook Privacy Management Scale. Data obtained, were analyzed descriptively in mean and standard deviation using SPSS. Inferential analysis was conducted using the Partial Least Square - Structural Equation Modeling (PLS- SEM) with the aid of SmartPLS 3.0. The results showed that organization privacy management and self-monitoring skills have a significant influence on the confidence level of 5% towards the intensity Facebook usage. In addition, the intensity of Facebook usage, organization privacy orientation and self-monitoring skills also have significant influence on the management of Facebook privacy. This study describes the role of the individual evaluation factors and social environment of the organization in determining the Facebook privacy management. The findings of this study can be utilized to develop an awareness program which is related to the management of online information privacy to ensure the credibility of each public servant.

Keywords: Facebook intensity, Self- monitoring skills, Organizational privacy orientation, Facebook privacy management.

Penghargaan

Dengan Nama Allah SWT Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Alhamdulillahirabbil 'Aalamin. Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga serta para sahabat baginda sekalian.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya rakamkan untuk penyelia saya, Dr. Mohd. Sobhi Bin Ishak, atas segala nasihat, dorongan, bantuan dan keperihatinan semasa menyempurnakan tesis ini. Bimbingan, pandangan dan tunjuk ajar yang dihulurkan telah banyak membantu sepanjang pengajian dan penyediaan tesis ini. Saya amat menghargai kesabaran Dr. Hj. Mohd. Sobhi Bin Ishak yang tidak jemu-jemu memberikan kekuatan kepada saya untuk menyiapkan tesis ini selain sentiasa bersedia berkongsi ilmu, maklumat dan kepakaran sepanjang beliau menyelia saya. Semangat yang ditonjolkan oleh beliau serta berkat kesabaran dan penelitian yang jitu disamping minat yang mendalam telah memberi motivasi dan keyakinan buat saya untuk menyempurnakan tesis ini. Segala tunjuk ajar serta nasihat dan pengorbanan, In Shaa Allah tidak saya lupakan.

Jutaan terima kasih juga buat Dr Azizah Sarkowi yang telah banyak meluangkan masa serta memberikan tunjuk ajar dalam membantu saya menyelesaikan tesis saya ini.

Ucapan penghargaan yang tidak terhingga juga ingin saya lestarikan buat isteri tercinta, Puan Siti Noratisah Binti Mohd. Nafi di atas segala pengorbanan, dorongan dan kesabaran beliau bersama-sama mengharungi segala cabaran dan dugaan sepanjang tempoh pengajian ini. Tidak lupa juga, kepada puteri-puteri dan putera saya, Nur Dinie, Aniq Zakwan dan Nur Dalia yang sentiasa menjadi pemangkin dan sumber kekuatan kepada saya untuk menyiapkan pengajian ini.

Jutaan terima kasih buat abah, mak, ayah dan ma serta Tam dan seluruh ahli keluarga yang turut menyokong dan sentiasa memberikan galakan sepanjang pengajian saya. Semoga Allah S.W.T. memberkati semua pihak yang terlibat dalam usaha menyempurnakan tesis ini.

Isi Kandungan

Kebenaran Merujuk	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Isi Kandungan	vi
Senarai Jadual	x
Senarai Rajah	xii
Senarai Lampiran	xiii
Senarai Singkatan	xiv
BAB SATU PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latarbelakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	11
1.7 Batasan Kajian	12
1.8 Definisi Operasi	13
1.8.1 Pengurusan Privasi Facebook	13
1.8.2 Keamatan Penggunaan Facebook	14
1.8.3 Orientasi Privasi Organisasi	14
1.8.4 Kemahiran Swaawas	15
1.9 Penutup	15

BAB DUA	ULASAN LITERATUR	16
2.1	Pengenalan	16
2.2	Teori Pengurusan Privasi Komunikasi (Communication Privacy Management Theory - CPM)	16
2.2.1	Pemilikan dan Kawalan Privasi Maklumat	18
2.2.2	Peraturan Penyembunyian dan Pendedahan	19
2.2.3	Pendedahan Membentuk Setiakawan dan Pemilikan Bersama	20
2.2.4	Menyelaras Sempadan Privasi Secara Bersama	20
2.2.5	Pergolakan Sempadan	21
2.3	Pengurusan Privasi Facebook	22
2.4	Keamatan Penggunaan Facebook	23
2.5	Orientasi Privasi Organisasi	26
2.6	Kemahiran Swaawas	30
2.7	Kerangka Konseptual Kajian	33
2.8	Penutup	35
BAB TIGA	METODOLOGI	36
3.1	Pengenalan	36
3.2	Reka Bentuk Kajian	36
3.3	Unit Analisis	36
3.4	Populasi dan Persampelan Kajian	37
3.5	Pemboleh Ubah Kajian	38
3.6	Instrumen Kajian	38
3.7	Pengukuran Pemboleh Ubah Kajian	39
3.8	Pengumpulan Data	40
3.9	Penganalisan Data	40
3.9.1	Analisis Model Pengukuran	41

3.9.2 Analisis Model Struktur	43
3.10 Penutup	44
BAB EMPAT DAPATAN KAJIAN	45
4.1 Pengenalan	45
4.2 Profil Responden	45
4.3 Hasil Analisis Deskriptif Pengurusan Privasi Facebook	49
4.3.1 Sempadan pemilikan	49
4.3.2 Sempadan rangkaian	50
4.3.3 Sempadan kebolehtelapan	51
4.4 Hasil Analisis Deskriptif Keamanan Penggunaan Facebook	52
4.5 Hasil Analisis Deskriptif Orientasi Privasi Organisasi	53
4.6 Hasil Analisis Deskriptif Kemahiran Swaawas	54
4.7 Penilaian Model Pengukuran	56
4.7.1 Penilaian Ketekalan Dalam	56
4.7.2 Penilaian Kebolehpercayaan Setiap Indikator	57
4.7.3 Penilaian Kesahan Konvergen	57
4.7.4 Penilaian Kesahan Diskriminan	59
4.8 Penilaian Model Struktur	61
4.8.1 Penilaian Kolineariti	61
4.8.2 Kesignifikanan Hubungan Dalam Model Struktur	61
4.8.3 Ketepatan Prediktif (R^2) dan Kerelevanan Prediktif (Q^2)	65
4.8.4 Kesan Saiz Ketepatan Prediktif (f^2) dan Saiz Kerelevanan Prediktif (q^2)	66
4.9 Penutup	67
BAB LIMA RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	68
5.1 Pendahuluan	68
5.2 Rumusan Kajian	68

5.2.3 Perbincangan Kajian	68
5.3 Implikasi Kajian	72
5.3.1 Implikasi Teoritikal	72
5.3.2 Implikasi Metodologikal	72
5.3.3 Implikasi Praktikal	72
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	73
5.5 Kesimpulan	74
RUJUKAN	77



UUM
Universiti Utara Malaysia

Senarai Jadual

Jadual 3.1: Penilaian Model Pengukuran Reflektif dan Formatif	40
Jadual 4.1: Taburan Responden mengikut Jantina, Bangsa, Pendidikan dan Latar Belakang Pekerjaan (N=138)	43
Jadual 4.2: Taburan Responden Berkaitan Pemilikan Akaun Facebook (N=138)	45
Jadual 4.3: Taburan Responden mengikut Pemilikan Akaun Media Sosial Selain Facebook (N=138)	46
Jadual 4.4: Analisis Deskriptif Pengurusan Privasi Facebook – Sempadan Pemilikan	47
Jadual 4.5: Analisis Deskriptif Pengurusan Privasi Facebook – Sempadan rangkaian	48
Jadual 4.6: Analisis Deskriptif Pengurusan Privasi Facebook – Sempadan Kebolehtelapan	49
Jadual 4.7: Analisis Deskriptif Keamatan Penggunaan Facebook	50
Jadual 4.8: Analisis Deskriptif Orientasi privasi organisasi	51
Jadual 4.9: Analisis Deskriptif Kemahiran Menyesuaikan Diri Dalam Persekitaran (Swaawas)	52
Jadual 4.10: Penilaian Model Pengukuran Kajian	55
Jadual 4.11: Pemberatan Silang Antara Item Konstruk Model Pengukuran	56
Jadual 4.12: Kriteria Fornell-Larcker	57
Jadual 4.13: Nisbah Heterotrait-Monotrait (HTMT)	57
Jadual 4.14: Penilaian Kolineariti Konstruk	58
Jadual 4.15: Penilaian Kesignifikan dan Kerelevanan Hubungan Dalam Model Struktur	59
Jadual 4.16: Perbandingan Ketepatan Prediktif (R^2) dan Kerelevanan Prediktif (Q^2) Pengurusan Privasi dan Keamatan Penggunaan	63

Jadual 4.17: Saiz Kesan Ketepatan Peramalan (f^2) dan Saiz Kesan Kerelevanan Peramalan (q^2) Pengurusan Privasi dan Keamatan Penggunaan

64



Senarai Rajah

Rajah 2.1: Teori Pengurusan Privasi Komunikasi (Communication Privacy Management Theory)	16
Rajah 2.2: Kerangka Konseptual Kajian	32
Rajah 4.1: Hasil Analisis Model Hipotesis Kajian	53



UUM
Universiti Utara Malaysia

Senarai Lampiran

Lampiran 1: Borang Soal Selidik: Kajian Ciri Penggunaan, Keamatan Penggunaan, Dan Pengurusan Privasi Facebook Dalam Persekitaran Tempat Kerja



Senarai Singkatan

TMK	- Teknologi Maklumat Komunikasi
PKPA	- Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam
MAMPU	- Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia
CPM	- Communication Privacy Management
PCN	- Putrajaya Campus Network
MADA	- Lembaga Kemajuan Pertanian Muda



BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Peranan media sosial pada hari ini telah menyumbang kepada pengaruh yang besar ke atas integriti penjawat awam. Penggunaan media sosial boleh mempengaruhi seseorang penjawat awam untuk bertindak di luar jangkaan yang akhirnya boleh memudaratkan integritinya. Kerajaan kini menggalakkan penjawat awam menggunakan media sosial seperti Facebook dan Twitter. Ia bertujuan untuk berkomunikasi dan berhubung dengan lebih efektif dan efisien di samping menyampaikan maklumat yang tepat kepada rakyat. Selain itu ia dapat meningkatkan produktiviti penjawat awam (Ketua Setiausaha Negara, Persidangan Digital Kebangsaan 2012, 3 Julai 2012). Namun begitu, sekiranya penggunaan media sosial adalah lebih bertujuan peribadi dan bukannya untuk urusan rasmi maka hasrat kerajaan untuk menyampaikan maklumat yang tepat dan betul tidak akan kesampaian. Natiujahnya, ia akan memberi impak yang besar ke atas kredibiliti personal penjawat awam itu.

Rakyat pada hari ini begitu bergantung kepada media sosial untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan, rakan kerja sepasukan, organisasi sosial dan pihak kerajaan (Kavanaugh, Yang, Sheetz, Tzy & Fox, 2011). Penjawat awam juga disarankan agar menggunakan sepenuhnya sumber media sosial ini bagi tujuan mempertingkatkan lagi penyampaian perkhidmatan dan komunikasi kepada rakyat terutamanya golongan yang tidak diberikan penumpuan sebelum ini (Kavanaugh et al, 2011).

Pendedahan maklumat sama ada secara privasi atau umum di dalam media sosial ini membolehkan kumpulan yang menjadi rakan ataupun individu lain yang berperanan sebagai rakan maya mengetahui tentang perkara-perkara personal dan latar belakang penjawat awam itu terutamanya aktiviti-aktiviti ataupun pemikirannya di luar daripada waktu pejabat. Tahap kawalan privasi dirinya ke atas pendedahan maklumat sulit dan keterbukaan untuk berkongsi maklumat sulit yang ada pada dirinya boleh menimbulkan pelbagai persepsi terhadap seseorang penjawat awam yang sekaligus boleh mempengaruhi pandangan masyarakat terhadap integritinya.

Maklumat rasmi sulit kerajaan dan perihal peribadi sulit seseorang merupakan elemen privasi yang dipegang dan bergantung kepada dirinya sendiri sama ada untuk mendedahkannya atau berkongsi dengan orang lain (Petronio, 2002). Sekiranya berlaku perkara sebaliknya, integriti seseorang penjawat awam yang diamanahkan untuk memelihara maklumat tersebut akan turut terkesan. Malahan jika maklumat dirinya yang dikongsikan adalah berbeza dengan ciri-ciri diri yang dibawanya semasa di pejabat, maka ia juga akan turut mempengaruhi persepsi orang lain ke atas integriti penjawat awam itu.

1.2 Latarbelakang Kajian

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) di sektor awam telah menjadi satu medium komunikasi yang utama, cepat dan mudah. Internet merupakan salah satu kaedah komunikasi yang telah digunakan secara meluas di sektor awam sehinggakan pihak kerajaan telah mengeluarkan pemakluman melalui pekeliling-pekeliling perkhidmatan tentang tatacara penggunaan Internet dalam kalangan penjawat awam di agensi-agensi kerajaan (PKPA, Bil. 1/2003).

Media sosial adalah satu daripada media atas talian (*online*) yang menggabungkan ciri-ciri seperti penyertaan, keterbukaan, perbualan, komuniti dan saling berhubung (Mayfield, 2008). Menurut Kaplan and Haenlein (2010), media sosial adalah sekumpulan aplikasi berasaskan Internet yang dibangunkan menggunakan teknologi dan ideologi Web 2.0 (Kaplan & Haenlein, 2010). Media sosial ini boleh dibahagikan kepada enam kategori iaitu jaringan sosial (Facebook & MySpace), blog, wiki (Wikipedia), podcast (Apple iTunes), kandungan komuniti (YouTube & Flickr) dan mikroblogging (Twitter) (Mayfield, 2008).

Media sosial merupakan satu kaedah komunikasi melalui Internet yang menggantikan komunikasi antara muka kepada satu pembangunan perhubungan sosial bagi tujuan perkongsian maklumat di antara satu sama lain (Pilch 2009; Waters, Nuttall & Gelles, 2009). Menurut kajian yang dijalankan oleh Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), penggunaan media sosial yang popular dan digunakan secara meluas di jabatan-jabatan kerajaan adalah Facebook, Twitter dan MySpace (MAMPU, 2009).

Penggunaan media sosial yang dikawal dengan betul dan tepat boleh menghasilkan impak yang memberangsangkan kepada rakyat dan masyarakat. Selain itu, ia dapat mempertingkatkan produktiviti penjawat awam dalam menjalankan tugas-tugas sehariannya (Ketua Setiausaha Negara, Persidangan Digital Kebangsaan 2012, 3 Julai 2012).

Statistik penggunaan Facebook di Malaysia pada hari ini telah menunjukkan peningkatan yang mendadak sehingga melebihi 13 juta pengguna atau 49.83% daripada penduduk Malaysia (Socialbakers, 2013). Data berkenaan turut

menunjukkan kumpulan terbesar (64%) pengguna Facebook di Malaysia adalah golongan yang berumur di antara 18 hingga 34 tahun (Socialbakers, 2013). Julat umur tersebut turut menjelaskan bahawa penjawat awam yang berumur di antara 18 hingga 34 tahun tidak terkecuali sebagai pengguna Facebook yang aktif.

Namun begitu, isu tahap pengurusan privasi komunikasi dalam kalangan penjawat awam yang mempunyai akaun Facebook perlu diteliti kerana melibatkan persoalan sama ada ia digunakan untuk tujuan urusan rasmi atau peribadi. Selain itu, aspek perkongsian maklumat juga boleh diteliti sama ada maklumat tersebut mudah dikongsi, mahu dikongsi atau mahu didedahkan secara terbuka, atau sebaliknya mereka sukar untuk mendedahkan maklumat personal mereka di Facebook. Kajian oleh Petronio (2002) menunjukkan penekanan kepada elemen pendedahan dan keterbukaan maklumat yang dikongsi melalui media sosial seperti Facebook akan menyumbang kepada tanggapan atau persepsi masyarakat terhadap integriti seseorang.

1.3 Pernyataan Masalah

Media sosial adalah medan untuk penjawat berkomunikasi dengan rakyat bagi menyampaikan dasar kerajaan, menggalakkan masyarakat turut serta dalam aktiviti yang dianjurkan oleh jabatan kerajaan dan sebagai saluran menyampaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat (Perlman, 2012; Campbell, Lambright, & Wells, 2014). Facebook merupakan media sosial yang popular dan digunakan secara meluas di jabatan-jabatan kerajaan di seluruh dunia (Hand and Ching 2011; Kavanaugh et al. 2011). Senario ini turut berlaku di negara ini (MAMPU, 2009) dan merupakan salah satu capaian tertinggi semasa waktu bekerja (MAMPU, 2011). Ketua Setiausaha

Negara (2012), menegaskan bahawa penggunaan Facebook dengan bijak dan efisien dapat memangkinkan kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan awam dan produktiviti penjawat awam selain daripada merapatkan jalinan di antara agensi-agensi kerajaan dengan rakyat.

Walau bagaimanapun, hasil pemantauan MAMPU (2011) menimbulkan persoalan sama ada penggunaan Facebook di tempat rasmi adalah tujuan tugas rasmi atau sebaliknya. Keadaan ini turut mewujudkan dilema sama ada mahu membenarkan atau menyekat penggunaannya dalam sektor awam apabila sudut keupayaan capaian yang luas diambil kira. Justeru, bagi mewujudkan persekitaran penggunaan media sosial yang sihat, kerajaan telah mengambil langkah proaktif dengan mengeluarkan beberapa garis panduan, surat arahan dan pekeliling perkhidmatan berhubung pelaksanaan dan penggunaan media sosial di Sektor Awam, iaitu:

- a) Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU “Amalan Terbaik Penggunaan Media sosial” bertarikh 8 April 2011;
- b) Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU “Penggunaan Media Sosial Di Sektor Awam” bertarikh 19 November 2009;
- c) Garis Panduan Pelaksanaan Blog Bagi Agensi Sektor Awam bertarikh 17 Julai 2009; dan
- d) Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bil. 1 Tahun 2003 “Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi-agensi Kerajaan”.

Walau bagaimanapun, kajian lepas menunjukkan sistem pengawasan berdasarkan polisi dan sistem adalah tidak efektif bagi membendung tingkah laku individu dalam

penggunaan Internet (Lee, Lee, & Yoo, 2004). Facebook sebagai medium komunikasi rasmi atau tidak rasmi adalah kompleks dan sukar diasingkan dengan jelas kerana ia melibatkan faktor peribadi dan faktor persekitaran. Pendedahan dan perkongsian maklumat dalam media-media sosial telah menjadi satu isu yang begitu hangat diperkatakan. Mutakhir ini masyarakat dikejutkan dengan beberapa insiden dimana maklumat kerajaan yang dikategorikan sebagai sulit telah menjadi viral dalam media sosial. Antaranya ialah kebocoran dokumen rahsia kerajaan negeri Johor membabitkan pindaan cuti hujung minggu kepada hari Jumaat (Berita Harian, 18 November 2013). Isu kertas soalan peperiksaan UPSR 2014 pada bulan September 2014 juga dikaitkan dengan penggunaan media sosial (Bernama, 11 September 2014). Malah lebih serius daripada itu ialah wujud kebimbangan terhadap kemungkinan berlaku kebocoran maklumat yang melibatkan pertahanan negara (Bernama, 7 April 2014). Penyedia penyelesaian perlindungan data antarabangsa, "Global Data Leakage" telah mendapati bahawa 69.2 peratus daripada kebocoran maklumat sulit yang dilaporkan pada separuh penggal pertama tahun 2014 dilakukan oleh kakitangan dalaman yang masih bekerja dalam organisasi (Bernama, 7 Oktober 2014).

Kerajaan menggalakkan penggunaan Facebook dalam usaha menyampaikan atau menyalurkan maklumat kepada rakyat. Namun begitu, penggunaan Facebook dalam kalangan penjawat awam dilihat samada dapat dibezakan di antara maklumat-maklumat yang boleh dikongsikan bersama atau tidak. Platform Facebook rasmi jabatan tidak dilihat sebagai satu masalah untuk disampaikan maklumat-maklumat penting jabatan. Permasalahannya di sini adalah penggunaan Facebook individu dalam kalangan penjawat awam di jabatan tersebut yang memungkinkan timbulnya persoalan mengenai pengurusan privasi Facebook masing-masing samada pendedahan

maklumat-maklumat sulit boleh atau tidak boleh dikongsikan melalui platform tidak rasmi tersebut.

Isu yang dibincangkan di atas menunjukkan ketirisan maklumat melalui perkongsian dan pendedahan maklumat peribadi dan kerjaya dalam satu platform yang sama. Tanpa disedari, perkongsian maklumat dalam organisasi turut dikongsi oleh rakan-rakan di luar organisasi yang juga merupakan rakan Facebook mereka. Kajian Siti Ezaleila dan Azizah (2011) membuktikan bahawa masyarakat di negara ini berinteraksi atau berkomunikasi melalui teknologi ini dengan orang yang telah dikenali dan orang yang tidak dikenali. Keadaan ini menunjukkan kewujudan media sosial telah menyebabkan jurang yang wujud di antara kehidupan peribadi dan kerjaya menjadi semakin kabur (DiMicco, Millen, Geyer, Dugan, Brownholtz, & Muller, 2008 dan Jackson, Yates, & Orlikowski, 2007).

Namun, kewujudan Facebook sebagai jaringan komunikasi dalam organisasi telah digunakan secara meluas dan menjadi semakin kompleks (DiMicco, Morris & Millen, 2007). Perkembangan pesat teknologi telah mencipta persekitaran interaksi tersendiri menjadikan lanskap interaksi berasaskan teknologi terjalin telah menyerap dan mengubah persekitaran komunikasi dalam organisasi. Persekitaran interaksi Facebook telah menukar bentuk hubungan profesional antara rakan sekerja kepada jalinan persahabatan yang menyeronokkan (Morrison & Nolan, 2007). Facebook menjadikan komunikasi sesuatu yang menyeronokkan dan meningkatkan kepuasan diri (Turel & Serenko, 2012; Turel, Serenko, & Bontis, 2010).

Kajian terhadap penggunaan Facebook dalam kalangan penjawat telah mula dijalankan sejak tahun 2009. Walau bagaimanapun, kajian hanya terhad kepada aspek

ciri penggunaan (MAMPU, 2009, 2012). Kajian yang lebih mendalam wajar dijalankan bagi mengenalpasti faktor yang mempengaruhi dan kesan penggunaannya. Sementelahan pula, kajian-kajian terkini tidak sekadar menilai penggunaan Facebook dari aspek corak penggunaan seperti masa, bilangan rakan atau bilangan akaun sahaja, namun perlu dinilai dari segi keamatan penggunaan Facebook itu sendiri (Sosik & Cosley, 2014; Rom, & Alfasi 2014; Abdullah, Ling, & Roslan, 2014). Kajian-kajian lepas menunjukkan penggunaan Facebook secara ekstensif akan mempengaruhi pendedahan maklumat sendiri di media tersebut (Liu & Brown, 2014; Chang & Heo, 2014) terutama bagi mereka yang mengalami ketagihan Facebook (Mohammad Aziz Shah, Irna, Wan Rosni, Siti Noratikah & Juwita, 2013; Sharifah Nazatul Faziera, 2015).

Berdasarkan teori Pengurusan Privasi Komunikasi (CPM), sempadan privasi seseorang itu boleh berubah mengikut setakat mana seseorang itu mahu mendedahkan atau berkongsi maklumat personal dengan orang lain (Petronio, 2002). Sesebuah komuniti yang berkongsi visi yang sama, akan meningkatkan kebarangkalian peluang untuk berkongsi maklumat (Dyer & Nobeoka, 2002). Kajian Chow dan Chan (2008) menunjukkan kerjasama dan perkongsian maklumat ini dapat memastikan visi dalam sesebuah organisasi tercapai. Sehubungan itu, isu tahap pengurusan privasi komunikasi dalam kalangan penjawat awam semasa menggunakan media sosial seperti Facebook perlu dikaji sama ada mahu berkongsi atau mendedahkan maklumat personal secara terbuka. Kelemahan penjawat awam dalam menguruskan privasi masing-masing boleh mempengaruhi integritinya dan menimbulkan persepsi negatif oleh masyarakat (Boon & Sinclair, 2009).

Faktor kebergantungan dan keterlibatan emosi yang mempengaruhi keamanan penggunaan Facebook juga wajar dikaji (Mohammad Aziz Shah et al., 2013; Ellison & Steinfield, Lampe, 2007). Ekspresi dan pemikiran negatif yang dikongsi melalui Facebook boleh menyebabkan terdapat pihak yang akan tersinggung dengan kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan (Daily Mail, 25 Februari 2011). Pengguna media sosial juga cenderung untuk mendedahkan maklumat sendiri (Christofides, Muise, & Desmarais, 2009) walaupun terdapat beberapa kajian menunjukkan risiko pencerobohan maklumat mudah berlaku (Wilson, Gosling, & Graham, 2012). Terdapat juga pengguna yang mempertimbangkan terlebih dahulu kelebihan dan risiko yang bakal mereka perolehi hasil daripada pendedahan maklumat tersebut (Fogel & Nehmad, 2009; Krasnova, Spiekermann, Koroleva, & Hildebrand, 2010). Hubungan yang kompleks ini bergantung kepada keupayaan individu untuk bertindak balas dalam pelbagai situasi yang dikaitkan dengan kemahiran swaawas (*self-monitoring skills*) (Bello 2005).

Bertitik tolak daripada perbincangan di atas, wujud jurang kajian di antara faktor individu dan faktor organisasi dalam penggunaan dan pengurusan Facebook. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor individu yang meliputi aspek kemahiran swaawas dan keamanan penggunaan Facebook serta faktor persekitaran iaitu orientasi privasi organisasi terhadap pengurusan privasi Facebook dalam kalangan penjawat awam.

1.4 Persoalan Kajian

Penelitian terhadap permasalahan kajian yang dibincangkan membentuk beberapa persoalan kajian iaitu:

1. Adakah keamatan penggunaan Facebook mempengaruhi pengurusan privasi Facebook?
2. Adakah orientasi privasi organisasi mempengaruhi pengurusan privasi Facebook?
3. Adakah orientasi privasi organisasi mempengaruhi keamatan penggunaan Facebook?
4. Adakah kemahiran swaawas mempengaruhi pengurusan privasi Facebook?
5. Adakah kemahiran swaawas mempengaruhi keamatan penggunaan Facebook?
6. Adakah kemahiran swaawas, orientasi privasi organisasi dan keamatan penggunaan Facebook dapat menjelaskan perubahan dalam pengurusan privasi Facebook.



UUM
Universiti Utara Malaysia

1.5 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pengurusan privasi Facebook dalam kalangan penjawat awam Negeri Kedah.

Beberapa objektif khusus kajian ini ialah:

1. Untuk mengenalpasti pengaruh keamatan penggunaan Facebook terhadap pengurusan privasi Facebook.
2. Untuk mengenalpasti pengaruh orientasi privasi organisasi terhadap pengurusan privasi Facebook.

3. Untuk mengenalpasti pengaruh orientasi privasi organisasi terhadap keamanan penggunaan Facebook.
4. Untuk mengenalpasti pengaruh kemahiran swaawas terhadap pengurusan privasi Facebook.
5. Untuk mengenalpasti pengaruh kemahiran swaawas terhadap keamanan penggunaan Facebook.
6. Untuk mengenalpasti sama ada kemahiran swaawas, orientasi privasi organisasi dan keamanan penggunaan Facebook dapat menjelaskan perubahan dalam pengurusan privasi Facebook.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk memahami keperluan menggunakan media sosial Facebook dalam kalangan penjawat awam pada masa kini. Facebook berkemungkinan dapat menjadi sebuah platform penghubung yang berkesan di antara pihak kerajaan dengan rakyat di dalam usaha memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan dan maklumat kerajaan dengan cepat dan efisien, di samping menjadi medium perbincangan dan bertukar pendapat sesama rakan sekerja berkaitan tugas harian (Dewan Masyarakat, Ogos 2012). Kajian ini yang melibatkan penjawat awam di beberapa jabatan kerajaan Negeri Kedah menggunakan media sosial Facebook untuk berkomunikasi dan berkongsi maklumat personal mereka.

Selain itu, pemahaman yang serius terhadap pengurusan privasi komunikasi melalui media sosial ini adalah perlu dalam memastikan sama ada sesuatu maklumat personal itu mahu didedahkan ataupun tidak mahu didedah dan dikongsi dengan pihak lain

(Petronio, 2002). Kajian ini dapat membantu menjelaskan lagi pengurusan privasi komunikasi (CPM) dari aspek kredibiliti personal seseorang penjawat awam. Pembinaan ruang keterbukaan untuk berkongsi atau mendedahkan maklumat personal dengan pihak lain melalui media sosial perlu mempunyai had dan sempadan privasi demi menjaga integriti diri penjawat awam.

Dari segi metodologi, kajian ini dapat menunjukkan pengaruh semua hubungan antara faktor pada tahap individu dan organisasi yang diuji serentak menggunakan analisis pemodelan persamaan struktur PLS-SEM. Selain itu, kajian ini juga diharap dapat melihat sejauh mana keperluan sesebuah jabatan melalui tatacara dan garis panduan yang disediakan oleh kerajaan dapat membantu seseorang penjawat awam itu mengurus dan mengawal maklumat personal jabatan atau peribadi melalui media sosial Facebook.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini ditumpukan kepada penjawat awam daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional sehinggalah kepada kumpulan Sokongan I dan II yang berkhidmat di jabatan dan agensi kerajaan dalam daerah Pendang Kedah. Pemilihan daerah ini adalah berasaskan kepada cabutan rawak mudah bagi memilih daerah yang akan dikaji dalam negeri Kedah. Manakala pemilihan kumpulan penjawat awam daripada kedua-dua kumpulan sokongan adalah disebabkan ia meliputi semua penjawat awam yang bertugas di jabatan dan agensi kerajaan di daerah Pendang. Selain itu, pemilihan penjawat awam turut ditumpukan kepada penjawat awam yang berstatus tetap dan tidak melibatkan penjawat awam yang berstatus sementara atau kontrak. Penjawat awam yang berstatus tetap mempunyai tanggungjawab dan komitmen yang lebih

tinggi terhadap isu privasi maklumat kerajaan berbanding yang berstatus sementara atau kontrak. Sekiranya berlaku pelanggaran maklumat yang dilakukan oleh penjawat awam yang berstatus tetap, kesan terhadap perkhidmatannya adalah lebih tinggi berbanding penjawat awam berstatus sementara atau kontrak di mana mereka akan hanya ditamatkan perkhidmatan.

Pemilihan daerah Pendang adalah berasaskan kepada tataletaknya yang berada di antara dua buah daerah besar iaitu daerah Kota Setar dan Kuala Muda. Ia di lihat sebagai '*sub-urban*' kepada bandaraya Alor Setar yang terletak lebih hampir berbanding pekan Sungai Petani. Pendang juga merupakan sebuah daerah yang sedang pesat membangun samada daripada perspektif pembangunan fizikal mahupun peningkatan bilangan penduduknya.

Walaupun bagaimanapun, sebahagian besar daerah Pendang masih lagi dikategorikan sebagai kawasan luar bandar. Oleh itu, kajian ini akan melihat tentang bagaimana penjawat awam yang bekerja di daerah luar bandar atau daerah '*sub-urban*' menggunakan media sosial Facebook dan pada masa yang sama mengawal privasi maklumat personal mereka yang dikongsikan di media Facebook berkenaan.

1.8 Definisi Operasi

1.8.1 Pengurusan Privasi Facebook

Pengurusan privasi Facebook merujuk kepada sejauhmana pemilik akaun Facebook sedaya upaya berusaha membentuk persempadanan privasi maklumat (Petronio, 2002). Berdasarkan teori CPM, kaedah pengawalan privasi ini dilaksanakan melalui tiga proses pengurusan yang berbeza iaitu sempadan pemilikan, sempadan rangkaian dan sempadan kebolehtelapan. Dalam konteks kajian ini, pengurusan privasi

Facebook merujuk kepada sejauh mana seseorang penjawat awam itu mengawal dan mempertimbang privasi maklumat yang ada untuk dikongsikan atau didedahkan di Facebook.

1.8.2 Keamatan Penggunaan Facebook

Keamatan penggunaan Facebook merujuk kepada sejauh mana individu terlibat secara aktif dalam aktiviti Facebook dan mempengaruhi kehidupan harian mereka (Ellison, et al., 2007). Penjawat awam yang terlalu asyik menggunakan Facebook boleh mempengaruhi kawalan dan pertimbangan ke atas privasi maklumat yang hendak dikongsikan atau didedahkan di Facebook. Dalam konteks kajian ini, keamatan penggunaan Facebook merujuk kepada sejauh mana seseorang penjawat awam itu begitu kerap menggunakan Facebook sebagai medium komunikasi semasa sedang bekerja dan di luar waktu pejabat.

1.8.3 Orientasi Privasi Organisasi

Orientasi privasi organisasi merujuk kepada nilai-nilai dan kepercayaan yang terbentuk dalam kalangan pekerja-pekerja mengenai pendedahan dan pengurusan privasi komunikasi dalam sesebuah organisasi (Petronio, 2002). Pengurusan privasi sesebuah organisasi meliputi sejauh mana privasi maklumat yang ada pada setiap penjawat dapat dikawal daripada didedahkan atau dikongsikan dengan pihak lain. Dalam konteks kajian ini, orientasi privasi organisasi merujuk kepada sejauh mana sesebuah organisasi itu mengenakan syarat dan peraturan kepada setiap penjawat awam tentang tatacara menggunakan Facebook di pejabat dan bagaimana menguruskan maklumat-maklumat terperingkat agar tidak disalahgunakan dengan menyalurkan kepada pihak-pihak yang tidak berkepentingan.

1.8.4 Kemahiran Swaawas

Kemahiran swaawas merujuk kepada proses di mana individu mengawal selia tingkah laku mereka sendiri dengan mempamerkan sifat-sifat yang wajar dan dianggap baik oleh orang lain (Snyder, 1974). Penggunaan Facebook yang ketara membuatkan seseorang itu begitu berhati-hati untuk memastikan apa yang dikongsi atau didedahkan dapat dilihat daripada perspektif yang dianggap baik oleh pihak lain. Dalam konteks kajian ini, kemahiran swaawas merujuk kepada cara bagaimana seseorang penjawat awam itu menggambarkan atau mempamerkan berkenaan diri sendiri sama ada melalui muat-naik penulisan, foto atau maklumat-maklumat yang dikongsi bersama melalui Facebook mengikut seperti apa yang dikehendaki olehnya.

1.9 Penutup

Facebook digunakan dengan meluas oleh penjawat-penjawat awam pada masa kini. Pengurusan privasi Facebook dilihat begitu penting untuk ditekankan ke atas setiap penjawat awam samada oleh pihak jabatan mahupun pemilikinya sendiri. Pendedahan dan penyembunyian maklumat personal yang tidak terkawal di laman Facebook boleh mengakibatkan kesan kepada penjawat awam itu sendiri.

Oleh itu, dalam bab ini, pengkaji telah menerangkan secara terperinci aspek-aspek yang ingin dikaji. Berdasarkan persoalan kajian dan objektif yang telah dirangka, diharapkan bab ini dapat memberi gambaran yang jelas tentang objektif yang hendak dicapai.

BAB DUA

ULASAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan ulasan literatur berkenaan Teori Pengurusan Privasi Komunikasi (*Communication Privacy Management Theory - CPM*) sebagai teori asas kajian dan pengurusan privasi Facebook sebagai pemboleh ubah bersandar kajian. Perbincangan turut memfokuskan kepada pengaruh empat pemboleh ubah yang lain iaitu kemahiran swaawas, orientasi privasi organisasi, keamanan penggunaan Facebook dan pengurusan privasi Facebook yang membentuk kerangka konseptual kajian dan hipotesis kajian.

2.2 Teori Pengurusan Privasi Komunikasi (Communication Privacy Management Theory - CPM)

Teori Pengurusan Privasi Komunikasi (CPM) digunakan untuk melihat sejauh mana seseorang itu boleh mengawal dan mengurus maklumat personal mengenai diri sendiri (Petronio, 2002). Teori ini dapat menjelaskan bagaimana seseorang individu dapat membuat keputusan sama ada untuk mendedahkan atau menyembunyikan maklumat peribadi mereka (Petronio, 2002).

Teori CPM dihasilkan daripada teori Penembusan Sosial oleh Altman dan Taylor (1973) yang memfokuskan kepada pendedahan diri sebagai satu cara untuk mengeratkan sesuatu perhubungan. Petronio berpandangan bahawa pendedahan maklumat personal kepada individu-individu yang mempunyai kepentingan di dalam hidup seseorang akan menguatkan lagi perhubungan di antara mereka (Petronio,


2002). Oleh itu, maklumat privasi di lihat mempunyai perkaitan di antara kedua-dua teori ini di mana teori Penembusan Sosial merujuk kepada pendedahan maklumat privasi oleh pemilik maklumat itu sendiri manakala teori Pengurusan Privasi Komunikasi pula merujuk kepada kawalan ke atas maklumat privasi berkenaan sama ada hendak didedahkan atau disembunyikan.

Petronio menggunakan konsep sempadan bagi menjelaskan proses pengurusan privasi. Sempadan yang dibentuk akan dapat membezakan antara maklumat yang bersifat peribadi dan maklumat yang bersifat umum. Menurut teori ini, apabila seseorang mendedahkan maklumat peribadinya, ia bergantung kepada peraturan sistem pengurusan maklumat mereka bagi menentukan tahap capaian maklumat yang dibenarkan. Sempadan privasi mereka akan menentukan pendedahan sendiri mereka.

Menurut Petronio (2002), terdapat beberapa faktor seperti emosi, identiti dan keadaan individu itu sendiri yang mempengaruhi keputusannya sama ada untuk mendedahkan atau menyembunyikan maklumat personal mereka. Teori CPM menekankan kepada faktor sempadan privasi sebagai kaedah yang membezakan tahap pendedahan privasi maklumat oleh seseorang. Ketebalan sesuatu sempadan privasi antara individu adalah bergantung kepada perkongsian privasi maklumat yang mereka laksanakan (Petronio, 2002).

Maklumat peribadi dalam konteks teori ini berbeza dengan konsep pendedahan sendiri kerana jenis maklumat yang dikongsi adalah pelbagai. Setiap individu juga mempunyai tujuan yang pelbagai semasa berkongsi maklumat. Fokus utama adalah terhadap tindakan berkongsi mesej yang terdapat dalam sesuatu maklumat yang

didedahkan. Teori CPM mempunyai lima prinsip teras (Rajah 2.1) bagi menjelaskan konsep sempadan privasi (Petronio, 2002).



Rajah 2.1. Teori Pengurusan Privasi Komunikasi (Communication Privacy Management Theory)

2.2.1 Pemilikan dan Kawalan Privasi Maklumat

Prinsip ini menjelaskan bahawa seseorang itu percaya yang beliau memiliki dan mempunyai hak ke atas privasi maklumat dirinya (Petronio, 2002). Menurut Petronio (2002), kebanyakan privasi maklumat yang didedahkan oleh seseorang itu adalah bukan maklumat yang berkaitan dengan dirinya, malah Petronio juga berpendapat yang maklumat yang disampaikan selalunya berbentuk positif dan bersifat konotasi.

Pemilikan bermaksud seseorang itu bertanggungjawab dan memahami peraturan tentang pendedahan maklumat yang dimilikinya. Walau bagaimanapun tahap pemahaman tentang pendedahan sesuatu maklumat yang sama adalah berbeza antara individu. Dalam konteks ini, sesuatu maklumat bukanlah hak mutlak seseorang pemilik utama, pemilik-pemilik lain juga perlu memahami tanggungjawab menjaga sempadan sesuatu maklumat.

2.2.2 Peraturan Penyembunyian dan Pendedahan

Prinsip ini menggambarkan bentuk persempadanan dan tahap ketebalan sempadan privasi maklumat yang boleh dihasilkan (Petronio, 2002). Petronio (2002) merujuk teori CPM sebagai teori berasaskan peraturan (*rule-based theory*) di mana apabila kita dapat mempelajari sistem pengurusan kehidupan seharian seseorang itu, kita akan dapat memahami tentang tindakan mereka yang mempunyai kebebasan untuk membuat pilihan. Oleh itu, seseorang itu mempunyai pilihan sama ada untuk menyembunyikan atau mendedahkan privasi maklumat yang dimilikinya. Seseorang itu juga dapat menetapkan garisan sempadan ke atas maklumat tersebut (Petronio, 2002).

Terdapat beberapa kriteria yang menentukan pilihan seseorang individu iaitu :

i. Kriteria utama

- pendedahan maklumat bergantung kepada budaya iaitu norma sesebuah masyarakat.
- Sempadan privasi berbeza antara golongan lelaki dan wanita bergantung kepada proses sosialisasi. Proses sosialisasi ini akan membentuk peraturan yang dipersetujui bersama.

ii. Kriteria pemangkin

- Perkongsian maklumat terbentuk oleh persekitaran sosial dan fizikal. Persekitaran ini akan menentukan dan menjadi pemangkin sama ada maklumat wajar dikongsi atau tidak.
- Terdapat pelbagai motivasi yang mendorong perkongsian maklumat. Pemilik maklumat mungkin menjangkakan pendedahan sesuatu maklumat berupaya membentuk satu rasa keterikatan.
- Pemilik maklumat peribadi akan menilai risiko dan faedah pendedahan dan penyembunyian maklumat peribadi.

2.2.3 Pendedahan Membentuk Setiakawan dan Pemilikan Bersama

Melalui prinsip ini, Petronio (2002) menegaskan bahawa seseorang itu tidak boleh menganggap dirinya sahaja yang boleh menentukan sama ada mahu menyimpan atau mendedahkan privasi maklumat tertentu. Tindakan mendedahkan privasi maklumat akan menyebabkan seorang individu lain juga mahu berkongsi maklumat. Mereka ini secara tidak langsung menjadi pemilik bersama yang mengetahui maklumat yang dikongsi sama ada disukai atau sebaliknya oleh pemilik maklumat tersebut (Petronio, 2002). Oleh itu, kedua-dua individu ini akan menjadi pemilik bersama terhadap privasi maklumat tersebut.

2.2.4 Menyelaras Sempadan Privasi Secara Bersama

Pemilik bersama perlu berbincang dan mencapai persetujuan secara bersama tentang peraturan privasi, sama ada untuk mendedahkan dan berkongsi privasi maklumat berkenaan ataupun sebaliknya (Petronio, 2002). Menurut Petronio (2002), prinsip ini

menerangkan bahawa persetujuan secara bersama tentang sempadan privasi boleh difokuskan kepada tiga elemen persempadanan iaitu sempadan pemilikan, sempadan rangkaian dan sempadan kebolehtelapan.

2.2.5 Pergolakan Sempadan

Petronio (2002), merujuk prinsip ini sebagai satu gangguan tentang cara kawalan dan seliaan ke atas aliran privasi maklumat kepada pihak ketiga. Prinsip ini juga menunjukkan tentang kemusnahan hubungan yang telah lama terbina di antara 'revealer' (satu tindakan untuk mendedahkan) dengan 'recipient' (seseorang yang menerima) privasi maklumat tersebut (Petronio, 2002). Petronio (2002), juga mengkategorikan pergolakan (*turbulence*) ini kepada 3 jenis iaitu:

1. Sempadan *fuzzy* yang menerangkan bagaimana pemilik bersama menggunakan peraturan privasinya sendiri dalam berkongsi privasi maklumat dengan orang yang mahu berkongsi privasi maklumat tersebut.
2. Pelanggaran dengan sengaja (*intentional breaches*) yang menerangkan bahawa pemilik bersama (*co-owner*) secara sengaja mempunyai niat untuk mendedahkan privasi maklumat pemilik asal yang dikongsi bersama kepada pihak ketiga.
3. Kesilapan (*mistakes*) yang menerangkan bahawa kita merasakan yang hanya kawan atau rakan kita sahaja yang boleh mencapai atau mengetahui privasi maklumat yang dikongsikan, contohnya di Facebook.

Kesemua prinsip teori CPM memperlihatkan bahawa pengurusan privasi komunikasi penting pada peringkat individu dan organisasi. Gabungan kedua-duanya mempunyai kaitan rapat kerana pengguna Facebook yang bersifat individu mempunyai hubungan

rapat dengan organisasi beliau berkhidmat. Kelemahan dalam pengurusan individu akan memberi impak kepada organisasi sama ada disedari ataupun tidak. Oleh itu, teori ini mampu menjalin perkaitan jelas antara faktor individu dan organisasi dalam penggunaan dan pengurusan Facebook.

2.3 Pengurusan Privasi Facebook

Penjawat awam yang menggunakan Facebook boleh berkongsi maklumat sesama rakan sepejabat atau pihak luar (keluarga, rakan atau penjawat awam yang berlainan jabatan) malah pelbagai lapisan masyarakat apabila mereka itu adalah rakan Facebook penjawat awam tersebut. Keadaan ini menyebabkan sesuatu maklumat itu sama ada sulit atau sebaliknya boleh dikongsi secara bersama. Pengurusan privasi Facebook merujuk kepada sejauh mana pemilik akaun Facebook sedaya upaya berusaha membentuk persempadanan privasi maklumat. Berdasarkan teori CPM, kaedah pengawalan privasi ini dilaksanakan melalui tiga proses pengurusan yang berbeza iaitu sempadan pemilikan, sempadan rangkaian dan sempadan kebolehtelapan.

- 1) Sempadan pemilikan menerangkan tentang siapa yang sepatutnya menentukan sempadan privasi dan setakat mana privasi maklumat tersebut boleh didedahkan (Child, Pearson, & Petronio, 2009; Petronio, 2002). Seorang penjawat awam yang mempunyai hak serta tanggungjawab ke atas sesuatu privasi maklumat yang apabila dikongsikan secara bersama akan menjadikan kawalan, seliaan dan pendedahan maklumat tersebut perlu berlaku secara bersama. Terdapat sebahagian pengguna Facebook membenarkan perkongsian maklumat mereka kepada semua rakan mereka tanpa sempadan. Mereka kurang memberi perhatian kepada hak pemilikan dan keutamaan untuk menyimpan sebahagian maklumat

yang bersifat peribadi dan privasi dalam Facebook mereka (Child, Pearson, & Petronio, 2009; Petronio, 2002).

- 2) Sempadan rangkaian menerangkan tentang siapa lagi yang boleh mengetahui privasi maklumat yang dikongsi (Child, Pearson, & Petronio, 2009; Petronio, 2002). Ia menunjukkan satu kesepakatan yang dibentuk dalam kalangan pemilik bersama tentang siapa lagi yang boleh mengetahui atau berkongsi privasi maklumat yang dipaparkan dalam Facebook. Penjawat awam yang menggunakan Facebook perlu menetapkan sempadan sejauh mana perlu untuk memelihara sempadan rangkaian ini agar privasi maklumat yang ada pada mereka lebih terpelihara (Child, Pearson, & Petronio, 2009; Petronio, 2002).
- 3) Sempadan kebolehtelapan menerangkan sebanyak mana privasi maklumat berkenaan boleh dikongsi bersama atau sejauh mana seseorang itu dapat menembusi sempadan privasi yang telah ditetapkan. Kebolehtelapan merujuk kepada sedalam mana atau sebesar mana sesuatu maklumat itu dikongsi atau didedahkan (Petronio, 2002). Pengguna Facebook yang menguruskan privasi mereka dengan baik akan menunjukkan kewujudan sempadan kebolehtelapan yang tinggi (Child, Pearson, & Petronio, 2009; Petronio, 2002). Terdapat tiga jenis halangan iaitu tertutup (*closed*), tebal (*thick*) dan direnggangkan dengan ketat (*stretched tight*). Manakala sempadan yang mudah dibolosi dikategorikan sebagai terbuka (*open*), nipis (*thin*) dan longgar (*loosely held*) Petronio (2002).

2.4 Keamatan Penggunaan Facebook

Jumlah pengguna yang melayari jaringan media sosial Facebook telah meningkat dari hari ke hari. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Socialbakers, pengguna akaun

Facebook di Malaysia telah meningkat kepada 13.5 juta pegangan akaun (Socialbakers, 2013). Peningkatan ini adalah selari dengan kenaikan pegangan akaun Facebook di dunia yang telah mencecah 1 billion akaun pada penggal ketiga 2012 dan 1.35 billion pada penggal ketiga 2014 (Statista.com, 2014). Daripada kajian yang dijalankan oleh Socialbakers, mendapati bahawa peratus penggunaan Facebook di Malaysia jika mengikut jantina adalah 54% lelaki dan 46% wanita (Socialbakers, 2012). Ini membuktikan penggunaan Facebook begitu ketara dalam kalangan masyarakat di Malaysia yang mana bilangan ini secara tidak langsung akan melibatkan penjawat-penjawat awam di Malaysia.

Menurut kajian yang dijalankan oleh MAMPU, penggunaan media sosial yang popular dan digunakan secara meluas di jabatan-jabatan kerajaan adalah Facebook, *Twitter* dan *MySpace* (MAMPU, 2009). Hasil pemantauan MAMPU pada tahun 2011 ke atas rangkaian ICT di Putrajaya Campus Network (PCN) yang telah dilaksanakan dari 1 hingga 30 Mac 2011 mendapati sejumlah 19.96 juta transaksi capaian telah dilakukan ke atas laman-laman web jaringan sosial. Pemantauan ini mendapati Facebook adalah salah satu daripada tiga capaian tertinggi ke atas laman web jaringan sosial iaitu profile.ak.fbcdn.net, www.facebook.com dan static.ak.fbcdn.net.

Kajian-kajian menunjukkan penggunaan Facebook sering diukur berdasarkan bilangan rakan (Joinson, 2008), kekerapan dan jangka masa penggunaan (antaranya Ryan & Xenos, 2011; Yu, Hsu, Yu, & Hsu, 2012), atau jumlah medan profil yang dilengkapi (Ellison, et al., 2007). Pengukuran berdasarkan bilangan rakan menggambarkan bahawa semakin ramai rakan di Facebook, maka semakin tinggi kekerapan mereka melayari media tersebut (Lewis & West, 2009). Manakala pengukuran berdasarkan jumlah jam pula menunjukkan semakin kerap seseorang

menggunakan Facebook, maka semakin meningkat jumlah jam penggunaan (Sheldon, 2008). Dalam beberapa kajian kekerapan penggunaan turut dikaitkan dengan ketagihan Facebook (Mohammad Aziz Shah, Irna, Wan Rosni, Siti Noratikah & Juwita, 2013; Sharifah Nazatul Faziera, 2015). Kaedah pengukuran ini juga digunakan dalam kajian penggunaan Facebook di Malaysia. Antaranya kajian Hamid, Ishak, Ismail, dan Yazam (2013) dan kajian Mohd Zaidi dan Bahiyah (2013) terhadap penggunaan Facebook dalam kalangan pelajar universiti. Kajian Siti Ezaleila dan Azizah (2011) terhadap 369 orang responden turut menggunakan jam penggunaan seminggu sebagai pengukuran penggunaan media sosial. Menurut kajian Mohd Effendi (2010), mendapati 38% pelajar sekolah menggunakan Facebook secara dominan secara purata 2 jam sehari manakala 56% telah menggunakan Facebook selama 3 tahun dengan anggaran rakan Facebook seramai 201-300 orang.

Bagi mengukur tahap penggunaan dengan lebih baik (Ellison, et al., 2007), telah membangunkan Skala Keamatan Facebook yang dapat mengukur penggunaan Facebook dengan lebih terperinci berbanding pengukuran asas yang sering digunakan dalam kajian lepas. Penggunaan ini merujuk kepada keamatan penggunaan Facebook bagi mengukur sejauh mana mereka terlibat secara aktif dalam aktiviti Facebook, sejauhmana emosi mereka dipengaruhi oleh Facebook dan sejauh mana Facebook mempengaruhi kehidupan harian mereka.

Facebook perlu sentiasa dikemaskini. Ia melibatkan proses penambahan dan penghapusan kandungan daripada profil mereka. Kajian dalam kalangan pengguna dewasa menunjukkan kekerapan pengemaskinian privasi dalam penggunaan media sosial bergantung kepada kecekapan teknologi dan pengalaman penggunaan media tersebut (Park, Kee, & Valenzuela, 2009). Kajian Pettijohn, LaPiene, Pettijohn, &

Horting (2012) terhadap 200 orang pelajar universiti menunjukkan individu yang sangat mementingkan hubungan baik dengan rakan bagi meningkatkan harga diri mereka mempunyai hubungan dengan keamatan penggunaan Facebook. Malahan kajian secara saintifik dalam bidang neurologi juga membuktikan bahawa individu yang menerima maklum balas positif dalam Facebook mereka mempunyai keamatan penggunaan yang tinggi (Meshi, Morawetz, & Heekeren, 2013). Kajian oleh Madden & Smith (2010), menunjukkan bahawa penggunaan yang kerap atau keamatan penggunaan yang tinggi membuatkan seseorang itu cekap menggunakan Facebook. Mereka yang mempunyai keamatan yang tinggi dalam penggunaan Facebook akan lebih meluahkan perasaan sama ada positif atau negatif dalam media tersebut. Seseorang yang begitu kerap menggunakan Facebook akan menjadikannya lebih cekap untuk mengendalikan akaun Facebook dan menguruskan maklumat-maklumat di Facebook mereka. Berdasarkan situasi tersebut, hipotesis berikut dibentuk:

H1: Keamatan penggunaan Facebook mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pengurusan privasi Facebook.

2.5 Orientasi Privasi Organisasi

Dianggarkan setiap penjawat awam memperuntukkan masa lebih kurang 40 jam seminggu di pejabat (Malaysia, 2009). Dalam konteks ini wujud satu bentuk komunikasi kekeluargaan antara sesama pekerja di dalamnya. Situasi ini boleh membentuk hubungan dan perasaan personal di antara satu sama lain sehingga membolehkan privasi maklumat dikongsi sesama sendiri selain daripada maklumat berkaitan organisasi.

Orientasi privasi organisasi merangkumi nilai-nilai dan kepercayaan yang terbentuk oleh masa dalam kalangan pekerja-pekerja mengenai pendedahan dan pengurusan privasi komunikasi (Petronio, 2002). Apabila organisasi membenarkan di kalangan pekerjanya untuk bersosialisasi sesama mereka di mana mereka boleh bersikap terbuka di antara satu sama lain, maka peningkatan kadar penembusan ke atas privasi maklumat akan tergambar di dalam orientasi privasi mereka (Petronio, 2002). Sebaliknya, jika organisasi menerapkan nilai-nilai privasi dalam kalangan pekerja, agar privasi maklumat tidak didedahkan atau rahsia tidak dikongsikan, maka penurunan kadar penembusan juga akan tergambar di dalam orientasi privasi. Kajian-kajian lepas menunjukkan persepsi dan kepuasan komunikasi pekerja dalam organisasi adalah penting kerana ia akan menggalakkan perbincangan antara sesama pekerja, membentuk hubungan sosial dan kolaborasi, dan membantu rakan sejawat apabila menghadapi sesuatu kesulitan (Fayard & Weeks, 2007; Herbsleb, Atkins, Boyer, Handel, & Finholt, 2002).

Persekitaran organisasi yang berbeza boleh mempengaruhi keputusan seseorang penjawat awam itu sama ada untuk mendedahkan atau menyembunyikan maklumat peribadi mereka (Kevin, Lori, & Bethany, 2010). Sikap keterbukaan di dalam komunikasi organisasi boleh dibahagikan kepada tiga jenis pendedahan iaitu pendedahan maklumat peribadi, pendedahan maklumat bukan peribadi dan pendedahan yang jelas atau kabur (Eisenberg and Witten, 1987). Komunikasi organisasi dipengaruhi oleh budaya organisasi yang menggalakkan perbualan tidak formal (Fayard & Weeks, 2007) dan juga keupayaan untuk mengekalkan privasi (Pacanowsky & Trujillo, 1983). Sesebuah jabatan yang mengaplikasikan sistem privasi beranggapan yang pekerjanya mengetahui tentang perlunya mereka untuk menyesuaikan dengan gelagat sosial sama ada ketika berada di atas talian (*online*)

ataupun tidak (*offline*) dan seterusnya berada di dalam kawalan sempadan yang telah ditetapkan (Petronio, 2002). Teori CPM turut menekankan faktor kontekstual sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi pengurusan privasi (Petronio, 2002).

Komunikasi dalam organisasi melibatkan komunikasi tidak formal yang berlaku semasa sesi perbincangan, perhubungan sosial dan kolaborasi (Fayard & Weeks, 2007; Herbsleb et al., 2002). Komunikasi tidak formal ini merujuk kepada komunikasi di mana peraturan dan hirarki yang digunakan untuk mengkoordinasikan aktiviti-aktiviti di dalam jabatan dihapuskan (Kraut, Fish, Root, & Chalfonte, 1990). Di samping itu ia berlaku secara spontan dan interaktif. Kajian yang lepas menunjukkan komunikasi tidak formal perlu digalakkan dalam sesebuah jabatan bagi membentuk persekitaran keterbukaan sesama rakan sepejabat (Fayard & Weeks, 2007; Herbsleb et al., 2002).

Kehadiran media sosial turut mempengaruhi budaya berkomunikasi secara tidak formal di pejabat. Kajian yang telah dilakukan antara 2006 hingga 2008 yang dilakukan oleh Hewlett-Packard (Brzozowski, Sandholm, & Hogg, 2009) mendapati pihak pengurusan sudah mula menggunakan media sosial, untuk berkomunikasi dengan dan sesama pihak pekerja. Kakitangan yang mempunyai hubungan baik di dalam sesebuah organisasi juga selesa menjadikan rakan sepejabat sebagai rakan Facebook terutamanya orang yang mereka percayai dalam organisasi tersebut (Jiang, Jennifer, & Lexi, 2014). Walau bagaimanapun, perbezaan di antara penggunaan media sosial bagi tujuan rasmi dan peribadi sehingga kini masih lagi kabur. Oleh itu, sesebuah jabatan perlulah berkeupayaan untuk mengawal, memerhati dan menganalisa gelagat pekerja apabila berkomunikasi menggunakan teknologi terkini seperti media sosial (Allen et al., 2007; Stanton & Stam, 2003). Kajian

Hartijasti & Fathonah (2015) menunjukkan budaya kerja memberi kesan terhadap keamatan penggunaan teknologi. Namun, pengawasan yang dijalankan ke atas penjawat awam akan membuatkan mereka bertindak balas terhadap jabatan (Allen et al., 2007; Stanton & Stam, 2003), yang seterusnya boleh memberi kesan terhadap cara mereka mengurus dan mengawal privasi ketika mana mereka tidak diawasi.

Penggunaan Facebook telah menyebabkan seseorang individu menjadi semakin terhubung di antara satu sama lain dan seterusnya pendedahan maklumat akan menjadi semakin meningkat (Jones & Soltren, 2005). Kajian Williams (2006) menunjukkan sekiranya penggunaan Internet seseorang itu meningkat, maka kebarangkalian untuk sempadan privasinya ditembusi adalah besar. Kajian ini turut disokong oleh Ross et al. (2009) yang membuktikan bahawa kekerapan seseorang itu menggunakan Facebook boleh memberi kesan kepada proses pengurusan privasinya. Walau bagaimanapun, bagi mereka yang bertanggungjawab bahawa kerja itu lebih bermakna maka mereka akan kurang menggunakan Internet untuk tujuan peribadi (Jia, Jia & Karau, 2013). Begitu juga dengan mereka yang setia dengan organisasi mereka (Garett & Danziger, 2008). Oleh itu, orientasi privasi organisasi dijangka akan mempengaruhi pengurusan privasi individu.

Penggunaan Internet yang tinggi juga akan menguatkan lagi kedua-dua medium komunikasi sama ada atas talian (*online*) ataupun luar talian (*offline*) di mana ia akan memberi impak kepada perhubungan di antara kehidupan personal seseorang itu dengan tugas-tugas di waktu pejabat (Haase, Wellman, Witte, & Hampton, 2002). Namun begitu, kebanyakan pengguna Facebook meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada Facebook, walaupun terdapat laporan yang mengatakan adanya berlaku pelanggaran privasi (Acquisti & Gross, 2006). Terpengaruh mendapatkan maklumat

yang berguna melalui Facebook menunjukkan mengapa seseorang mempunyai keamatan dalam penggunaan Facebook (Chang, Hung, Cheng, & Wu, 2015). Justeru, adalah tidak menghairankan apabila ramai pekerja kekal aktif menggunakan Facebook walaupun mereka mengetahui privasi mereka terancam (Tufekci, 2008).

Berdasarkan ulasan literatur yang dibincangkan, hipotesis berikut dibentuk :

H2: Orientasi privasi organisasi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pengurusan privasi Facebook.

H3: Orientasi privasi organisasi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap keamatan penggunaan Facebook.

2.6 Kemahiran Swaawas

Kemahiran swaawas (*self-monitoring skills*) adalah proses di mana individu mengawal selia tingkah laku mereka sendiri dengan mempamerkan sifat-sifat yang wajar dan dianggap baik oleh orang lain (Snyder, 1974). Swaawas ini berbeza di antara seorang individu dengan individu yang lain. Perbezaan ini wujud berdasarkan sejauh mana orang memantau (memerhati, mengawal selia, dan mengawal) penampilan diri di khalayak ramai ketika bersosial dan menjalinkan hubungan interpersonal (Snyder, 1987). Teori swaawas merujuk kepada perbezaan sejauh mana seseorang menilai, menghasil, menambahbaik dan mempersembah tentang imej sosial dan penampilan umum (Gangestad & Snyder, 2000). Menurut Wright, Holloway, & Roloff (2007), swaawas menilai sejauh mana individu mengubah penampilan diri untuk menyesuaikan diri dengan keadaan atau persekitaran sosial tertentu.

Sejajar dengan perkembangan penggunaan media sosial pada masa kini, kaedah jalinan hubungan interpersonal turut berubah (Boyd & Ellison, 2007). Facebook digunakan secara meluas untuk menghubungkan keluarga dan rakan yang telah lama terpisah (Lampe, et al., 2007). Kemunculan Facebook telah membantu meningkatkan hubungan yang sukar dilaksanakan secara bersemuka (Lampe, et al., 2007). Selain itu media sosial juga dapat meluaskan jaringan interaksi merentasi sempadan ruang dan masa. Satu berita yang dikongsi dengan mudah dan dapat diperolehi dengan pantas oleh semua ahli dalam jaringan (Ellison et al., 2007; Kenski & Shroud, 2006).

Majoriti pengguna Facebook melaporkan bahawa memaparkan maklumat sebenar tentang diri mereka dalam profail (Stern & Taylor, 2007). Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan pemaparan identiti adalah bergantung kepada kehendak sosial dan sukar ditemui dalam kehidupan realiti (Zhao, Grasmuck, & Martin, 2008). Bagi memenuhi keperluan ini pengguna sering menggunakan strategi memanipulasi maklumat seperti swaawas (Nadkarni & Hofmann, 2012; Pempek, Yermolayeva, & Calvert, 2009). Mereka akan mengawal jumlah dan jenis maklumat yang dipaparkan agar dapat menggambarkan satu imej dan kualiti diri yang baik sehingga dipercayai oleh pengguna lain (Chen & Marcus, 2012; Kim & Lee, 2011). Kewujudan jalinan interaksi secara dalam talian menyediakan lebih peluang dalam manipulasi maklumat (Buffardi & Campbell, 2008; Kramer & Winter, 2008).

Situasi tersebut tentunya mempengaruhi swaawas seseorang individu semasa menggunakan media tersebut bagi memelihara penampilan mereka. Ia dibuktikan dalam kajian yang menunjukkan seseorang individu mengubah penampilan diri mereka semasa berinteraksi dengan individu yang berbeza latar belakang sosial semasa berinteraksi menggunakan media sosial (Ellison, Heino, & Gibbs, 2006).

Situasi ini menjadi lebih serius semasa seseorang baru berjinak-jinak untuk memulakan perhubungan. Mereka mengubah penampilan diri dalam media sosial agar kelihatan lebih menarik supaya lebih mudah diterima (Hall, Park, Song, & Cody, 2010).

Kramer dan Winter (2008) mendapati perbezaan individu dalam efikasi penampilan sendiri mempunyai hubungan dengan sejauhmana individu tersebut mengekspresi diri mereka dalam profil. Secara khususnya ia dapat meramalkan stail gambar yang dipos, maklumat peribadi yang didedahkan dan cara maklumat dalam profail itu ditulis. Kajian Child dan Agyeman-Bidu (2010) yang berpandukan teori CPM terhadap kemahiran swaawas pengguna blog mendapati kemahiran swaawas mempunyai pengaruh terhadap pengurusan privasi mereka. Individu yang mempunyai swaawas yang tinggi lebih berhati-hati terhadap tetapan privasi mereka berbanding mereka yang mempunyai swaawas yang rendah. Mereka sangat peka terhadap maklumat peribadi yang dikongsi dalam blog. Ini menyebabkan mereka memperuntukkan banyak masa untuk mengurus penampilan sendiri di atas talian. Dapatan ini menunjukkan kemahiran swaawas mempengaruhi keamatan penggunaan (Child & Agyeman-Bidu, 2010). Individu yang mempunyai swaawas yang tinggi sanggup bersusah payah bagi memastikan ayat dan bahasa yang digunakan tidak disalah ertikan oleh pembaca. Kajian terhadap pengguna Facebook oleh Rosenberg dan Egbert (2011) turut membuktikan Teori CPM yang menunjukkan kemahiran swaawas mempengaruhi pengurusan privasi mereka. Mereka yang mempunyai kemahiran swaawas yang tinggi lebih peka terhadap *cues* sosial dan sangat mementingkan interaksi yang berlaku dalam laman mereka.

Kemahiran swaawas juga mempunyai hubungan dengan keamatan penggunaan Facebook (Hall & Pennington, 2013). Mereka mendapati kemahiran swaawas mempunyai hubungan dengan *cues* yang digunakan dalam Facebook mereka iaitu menyiarkan gambar profil semasa muda dan banyak menggunakan perkataan ringkas semasa mengemaskini status. Keadaan ini mempengaruhi pengurusan privasi Facebook kerana mereka berminat untuk menarik ramai rakan dan menyukai (*'likes'*) Facebook mereka. Kajian Kalpidou, Costin, dan Morris (2011) terhadap 70 orang pelajar juga mendapati pelajar junior dan senior berkongsi maklumat yang berbeza dalam profil mereka dan turut mempengaruhi keamatan penggunaan Facebook. Pelajar senior lebih bersikap terbuka dengan rakan-rakan Facebook mereka dan lebih mudah untuk menyesuaikan diri dalam kehidupan kampus.

Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas dan kepentingan kemahiran swaawas dalam penggunaan media sosial, hipotesis berikut dibentuk:


H4: Kemahiran swaawas mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pengurusan privasi Facebook.

H5: Kemahiran swaawas mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap keamatan penggunaan Facebook.

2.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini menggunakan asas konsep teori Pengurusan Privasi Komunikasi (CPM) (Petronio, 2002) sebagai asas kajian bagi meneliti kawalan dan pengurusan privasi penjawat awam agar pendedahan dan keterbukaan mereka untuk

berkongsi maklumat melalui Facebook tidak melepasi sempadan yang telah ditetapkan. Kerangka konseptual kajian ini adalah seperti Rajah 2.2.



Rajah 2.2. Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan perbincangan literatur dan kerangka konseptual kajian ini, hipotesis kajian dibentuk iaitu:

H1: Keamatan penggunaan Facebook mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pengurusan privasi Facebook.

H2: Orientasi privasi organisasi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pengurusan privasi Facebook.

H3: Orientasi privasi organisasi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap keamatan penggunaan Facebook.

H4: Kemahiran swaawas mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pengurusan privasi Facebook.

H5: Kemahiran swaawas mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap keamatan penggunaan Facebook.

2.8 Penutup

Teori Pengurusan Privasi Komunikasi (CPM) telah digunakan sebagai teori asas kajian di mana penentuan pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas dan bersandar serta peramal telah membentuk satu kerangka konseptual kajian bagi memenuhi matlamat objektif dan persoalan kajian yang telah dirangka.

Hipotesis kajian telah dibentuk berasaskan kepada ulasan-ulasan kajian yang lepas. Oleh itu, dalam bab ini diharapkan dapat menerangkan dengan jelas pembentukan kerangka konseptual kajian dengan hipotesis untuk melihat dan membuktikan samada wujudnya hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut.

BAB TIGA

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai kerangka pelaksanaan kajian yang meliputi reka bentuk kajian, unit analisis, populasi dan persampelan kajian, instrumen kajian, pengumpulan data kajian, pengukuran pemboleh ubah kajian, pengoperasionalan pemboleh ubah, dan penganalisan data kajian.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian berasaskan pendekatan kuantitatif ini menggunakan rekabentuk keratan rentas (*cross-sectional design*). Reka bentuk ini dipilih bertujuan mendapatkan maklumat daripada penjawat awam negeri Kedah yang mewakili populasi kajian pada satu titik masa. Menerusi reka bentuk ini, borang soal selidik digunakan sebagai instrumen untuk meninjau pandangan responden terhadap konstruk-konstruk yang dibentuk dalam kerangka konseptual kajian.

3.3 Unit Analisis

Unit analisis kajian ini ialah individu iaitu penjawat awam negeri Kedah. Penggunaan unit analisis ini adalah untuk mengukur tahap individu dari aspek kemahiran swaawas, keamatan penggunaan Facebook dan pengurusan privasi yang digunakan semasa menggunakan Facebook. Selain itu, pandangan individu terhadap orientasi privasi organisasi tempat mereka bertugas turut diukur. Sehubungan dengan itu, individu yang mempunyai akaun Facebook sahaja akan dilibatkan dalam kajian ini.

3.4 Populasi dan Persampelan Kajian

Jumlah penjawat awam yang sedang berkhidmat dalam jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan negeri, persekutuan serta badan-badan berkanun di 12 daerah dalam negeri Kedah adalah seramai 6524 orang. Untuk memudahkan jumlah persampelan yang diperolehi mencukupi bagi mewakili populasi di lokasi kajian, pemilihan satu daripada 12 daerah di Negeri Kedah dilakukan dengan menggunakan teknik cabutan rawak mudah. Jumlah penjawat awam di daerah yang berkenaan akan mewakili populasi kajian. Hasil daripada cabutan rawak mudah tersebut, daerah Pendang telah dipilih sebagai lokasi kajian. Jumlah penjawat awam dalam daerah Pendang dikenalpasti seramai 350 orang bagi mewakili populasi kajian. Seterusnya kaedah persampelan rawak sistematik digunakan berdasarkan kepada jumlah tersebut bagi tujuan jumlah sampel berkenaan.

Dua teknik persampelan digabungkan untuk mendapatkan sampel bagi kajian ini iaitu *10 times rules* (Cohen, 1992) khusus bagi SEM dan Krejcie & Morgan (1970). Kaedah *10 times rules* (Cohen, 1992) berdasarkan bilangan maksimum anak panah dari pemboleh ubah bebas yang menunjuk ke arah pemboleh ubah bersandar, yang mana berdasarkan kerangka konseptual, bilangan sampel adalah 50 (5 x 10). Berdasarkan kepada jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie & Morgan (1970), bilangan populasi 350 adalah 184 orang penjawat awam. Kedua-dua teknik ini digabungkan untuk mendapatkan ketepatan minimum jumlah sampel yang boleh berada di antara 50 sehingga 184. Kedua-dua faktor ini bertujuan membolehkan generalisasi dibuat dan menepati keperluan teknik analisis lanjutan *Partial Least Squares- Structural Equation Modeling* (PLS-SEM) (Hair et al., 2010).

3.5 Pemboleh Ubah Kajian

Kajian ini melibatkan empat pemboleh ubah iaitu kemahiran swaawas, orientasi privasi organisasi, Facebook dan pengurusan privasi. Kesemua pemboleh ubah disusun dalam bentuk hubungan sebab dan akibat (*cause and effect*). Hubungan sebab dan akibat ialah untuk menentukan pengaruh pemboleh ubah bebas (penyebab) terhadap pemboleh ubah bersandar (akibat). Pemboleh ubah berkenaan ialah kemahiran swaawas, orientasi privasi organisasi, dan keamatan penggunaan Facebook sebagai pemboleh ubah bebas manakala pengurusan privasi Facebook sebagai pemboleh ubah bersandar. Beberapa pemboleh ubah digunakan untuk menentukan latar diri responden iaitu jantina, umur, tahap perkahwinan, tahap pendidikan, dan bidang perjawatan.

3.6 Instrumen Kajian

Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian ini. Pembentukan borang soal selidik dilaksanakan dengan memasukkan semua konstruk pengukuran yang diperolehi daripada kajian-kajian lalu dan konstruk pengukuran yang sesuai mewakili definisi konsep yang telah dioperasionalkan. Borang soal selidik ini dibahagikan kepada beberapa bahagian.

Bahagian A terdiri dari maklumat umum berkenaan latar diri responden. Antara pemboleh ubah demografi yang dikemukakan ialah jantina, umur, tahap perkahwinan, tahap pendidikan, dan bidang perjawatan.

Bahagian B mengandungi item-item berkaitan pengurusan privasi. Instrumen ini menggunakan skala Pengukuran Pengurusan Privasi Facebook yang diadaptasi

daripada skala Pengurusan Privasi Blog (Child, Pearson & Petronio, 2009). Skala ini mengandungi 18 item yang mewakili tiga domain dalam teori CPM (Petronio, 2002) iaitu sempadan pemilikan, sempadan rangkaian, dan sempadan kebolehtelapan.

Bahagian C mengandungi item bagi Skala Keamatan Facebook (Lampe, et al., 2007). Skala ini mengandungi dua sub bahagian iaitu ciri penggunaan Facebook (jam penggunaan dan bilangan rakan) dan tahap kebergantungan emosi pengguna terhadap Facebook. Bagi menguji hipotesis kajian, sub bahagian pertama yang mengandungi lapan item akan digunakan.

Bahagian D mengandungi 25 item bagi mengukur kemahiran swaawas. Item ini diadaptasi daripada skala *self-monitoring scale* (Snyder, 1974) bagi disesuaikan dengan konteks penggunaan Facebook.

Bahagian E pula mengandungi item bagi mengukur orientasi privasi organisasi. Instrumen ini menggunakan Pengukuran Orientasi Privasi Organisasi (Frampton, 2010) yang diadaptasi daripada Pengukuran Orientasi Privasi Keluarga (Serewicz, Dickson, Huynh Thi Anh, Morrison, & Poole, 2007). Skala ini dibangunkan dengan berpandukan Teori CPM (Morr, 2002; Petronio, 2002).

3.7 Pengukuran pemboleh ubah Kajian

Maklumat berkenaan latar diri responden diukur berdasarkan skala pengukuran norminal dan nisbah (*ratio*). Skala norminal digunakan untuk mengukur pemboleh ubah jantina, tahap perkahwinan, tahap pendidikan, dan bidang perjawatan. Manakala skala nisbah digunakan untuk mengukur umur. Skala sela (*Interval*) lima tahap iaitu 1 = sangat tidak setuju hingga 5 = sangat setuju digunakan untuk

mengukur pemboleh ubah kemahiran swaawas, orientasi privasi organisasi, keamanan penggunaan Facebook dan pengurusan privasi. Bagi kemahiran swaawas, jumlah skor diperolehi berdasarkan jawapan setiap responden di mana nilai ini akan digunakan sebagai skor sebenar yang dikompositkan sebagai satu item.

3.8 Pengumpulan Data

Tindakan pertama dalam proses pengumpulan data ialah menjalankan pra-pemberitahuan di mana satu surat pemberitahuan telah dihantar ke jabatan dan agensi kerajaan serta badan berkanun yang terpilih di daerah Pendang, Kedah bertujuan mendapatkan kebenaran untuk menjalankan kajian berkenaan. Kemudian tindakan pengagihan borang soal selidik telah dilaksanakan kepada semua responden kajian di jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan di Daerah Pendang, Kedah Darul Aman yang terpilih. Akhirnya satu tindakan susulan dilakukan selepas 2 minggu setelah semua borang soal selidik diedarkan kepada responden. Tindakan ini dilaksanakan bagi tujuan untuk memastikan agar semua responden memberi komitmen seperti yang diharapkan.

3.9 Penganalisan Data

Data kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif untuk memperihalkan profil responden kajian berbantuan perisian IBM SPSS 19.0. Manakala statistik inferensi digunakan untuk menguji hipotesis kajian dengan menggunakan teknik analisis lanjutan *Partial Least Squares Structural Equation Modeling* (PLS-SEM) melalui perisian SmartPLS 3.0. PLS-SEM merupakan teknik analisis statistik lanjutan generasi kedua bertujuan menerang dan meramalkan varians perubahan dalam pemboleh ubah bersandar berdasarkan penilaian ke atas gabungan pemboleh

ubah peramal (Hair, Hult, Ringle & Sarstedt, 2014). Dengan kata lain matlamat utama ialah untuk memaksimumkan penjelasan mengenai varians di dalam pemboleh ubah bersandar. Penganalisaan data kajian melibatkan penggunaan semua konstruk kajian yang dibentuk berdasarkan model pengukuran reflektif dan model struktur.

3.9.1 Analisis Model Pengukuran

Analisis model pengukuran reflektif dijalankan berdasarkan empat kriteria iaitu :

i. Ketekalan dalaman

Kaedah konvensional bagi mengukur ketekalan dalaman adalah berdasarkan nilai *alfa cronbach*. Dalam analisis PLS-SEM, ketekalan dalaman konstruk dapat ditentukan dengan lebih baik berdasarkan nilai kebolehpercayaan komposit. Bagi kajian penerokaan, ketekalan dalaman adalah diterima berdasarkan nilai kebolehpercayaan komposit di antara .60 hingga .70, manakala ketekalan dalaman dianggap memuaskan berdasarkan nilai kebolehpercayaan komposit di antara 0.70 dan 0.90 (Hair, et al., 2014).

ii. Kebolehpercayaan setiap indikator

Kebolehpercayaan setiap indikator diukur berdasarkan nilai pemberatan faktor. Nilai pemberatan faktor > 0.40 diterima manakala nilai yang terbaik > 0.70 . Sekiranya nilai pemberatan faktor berada antara 0.40 dan 0.70, pertimbangan perlu dibuat sama untuk menyingkirkan atau mengekalkan indikator. Sekiranya penyingkiran indikator akan meningkatkan nilai Purata Varians Terekstrak (*Average Variance Extracted* - AVE), maka indikator tersebut akan disingkirkan. Sebaliknya, sekiranya penyingkiran indikator tidak meningkatkan nilai AVE, maka indikator tersebut dikekalkan.

iii. Kesahan konvergen

Pengukuran kesahan konvergen dibuat berdasarkan nilai Purata Varians Terekstrak (*Average Variance Extracted-AVE*). Purata varians terekstrak (AVE) menunjukkan sejauh mana sesuatu item benar-benar berbeza dari item lain (Schumacker & Lomax, 2010). Nilai AVE yang diterima dalam kajian ini ialah ≥ 0.50 (Fornell & Larcker, 1981; Hair et al., 2010).

iv. Kesahan diskriminan

Kesahan diskriminan menunjukkan sejauh mana sesuatu konstruk benar-benar berbeza dari konstruk yang lain (Hair et al., 2010). Kesahan diskriminan diukur dengan menggunakan tiga kaedah iaitu *Cross Loading*, kriteria Fornell-Larcker dan Heterotarit-Monatrtrait Ratio (HTMT). *Cross Loading* adalah berdasarkan nilai faktor (*outer loading*) indikator sesuatu konstruk yang diuji mesti melebihi nilai *outer loading* indikator yang masuk ke dalam sesuatu konstruk lain. Kriteria Fornell-Larcker ditentukan berasaskan nilai punca kuasa dua AVE bagi setiap konstruk perlu melebihi nilai korelasi dengan konstruk yang lain. Kaedah Heterotarit-Monatrtrait Ratio (HTMT) adalah berdasarkan nilai korelasi konstruk < 0.85 atau < 0.90 . Rumusan kriteria penilaian model reflektif adalah seperti Jadual 3.1.

Jadual 3.1

Penilaian Model Pengukuran Reflektif dan Formatif

Model Pengukuran Reflektif	
Elemen Penilaian	Nilai Diterima
1) Ketekalan dalaman	Nilai <i>Cronbach alpha</i> > 0.7 (item berulang), 0.6-0.7 (item penerokaan)
2) Kebolehpercayaan komposit	Nilai <i>Composite reliability</i> > 0.7
3) Kebolehpercayaan indikator (item)	Nilai kuasa dua <i>Outer loading</i> : >0.5
4) Kesahan konvergen	Nilai AVE > 0.5
5) Kesahan diskriminan	Nilai <i>cross loading</i> , nilai $\sqrt{AVE} > r$ (Fornell-Larcker), Nilai HTMT > 0.85 atau 0.90.

3.9.2 Analisis Model Struktur

Pengujian model struktur melibatkan pengujian model hipotesis kajian yang mengandungi pemboleh ubah bersandar iaitu pengurusan privasi dan pemboleh ubah bebas iaitu orientasi privasi organisasi, kemahiran swaawas dan keamanan penggunaan Facebook. Pengujian model struktur dilaksanakan mengikut prosedur analisis bootstrapping dan pemeriksaan terhadap nilai *t*, nilai *p* dan nilai confidence interval bagi bootstrapping pada aras keyakinan 5%.

Penilaian model struktur merangkumi beberapa langkah penilaian iaitu: (1) menentukan kolineariti (berdasarkan nilai $VIF < 5$), (2) menilai kesignifikanan (berdasarkan nilai $t < 1.96$ atau $p < 0.05$) dan kerelevanan hubungan (berdasarkan saiz nilai pekali laluan) dalam model struktur, (3) tahap ketepatan prediktif, R^2 dan kesan saiz ketepatan prediktif, f^2 serta (4) kerelevanan prediktif Q^2 dan kesan saiz kerelevanan prediktif, q^2 . Nilai f^2 dan q^2 adalah berdasarkan petunjuk kecil = 0.02, sederhana = 0.15 dan besar = 0.35.

3.10 Penutup

Reka bentuk kajian dan kaedah analisis yang digunakan dalam kajian ini ditunjukkan dalam bab ini. Analisis deskriptif digunakan bagi mendapatkan gambaran awal mengenai responden manakala analisis inferensi melalui teknik analisis lanjutan PLS-SEM digunakan untuk menguji hipotesis kajian dengan menjawab persoalan kajian yang telah ditentukan.



BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan dapatan kajian yang disusun dalam empat bahagian. Bahagian pertama memperihalkan profil responden secara deskriptif. Bahagian kedua membincangkan hasil analisis bagi setiap pemboleh ubah secara deskriptif dalam bentuk min dan sisihan piawai. Bahagian ketiga membincangkan hasil analisis model pengukuran. Manakala bahagian terakhir pula memperihalkan hasil analisis model struktur yang meliputi penilaian kesignifikan dan kerelevanan hubungan serta pengujian hipotesis.

4.2 Profil Responden

Profil demografi responden dalam Jadual 4.1 menunjukkan jumlah responden lelaki adalah bersamaan dengan bilangan responden wanita ($n = 69$). Majoriti responden berbangsa Melayu (98.6%) manakala selebihnya berbangsa India (1.4%). Sebanyak 33.3% responden berumur di antara 30-39 tahun ($n = 46$), 31.9% berumur di antara 20-29 tahun ($n = 44$), 20.3% berumur di antara 40-49 tahun ($n = 28$) dan 14.5% berumur di antara 50-60 tahun ($n = 20$). Dari aspek pendidikan pula, majoriti responden berkelulusan diploma (32.6%) dan sebahagian besar yang lain pula berkelulusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) (23.2%), sarjana muda (19.6%) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) (18.8%).

Responden terdiri daripada penjawat awam yang bertugas di enam jabatan kerajaan negeri dan persekutuan yang terdapat di Daerah Pendang iaitu 57 orang di Majlis Daerah (41.3%), 34 orang di Pejabat Daerah (24.6%), 19 orang di Pejabat Tanah Daerah (13.8%), 10 orang di Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) (7.2%) dan tujuh responden masing-masing berkhidmat di Ibu Pejabat Polis Daerah dan Jabatan Kerja Raya. Majoriti responden berkhidmat sebagai kakitangan sokongan iaitu 68 orang dari Kumpulan Sokongan I (49.3%) dan 54 orang dari kumpulan Sokongan II (39.1%). Responden yang berkhidmat dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional pula mewakili sebahagian kecil responden iaitu seramai 16 orang (11.6%). Lebih separuh daripada responden (56.5%) telah berkhidmat antara 1-10 tahun, manakala 21.7% pula telah berkhidmat antara 11-20 tahun. 21.8% responden telah berkhidmat melebihi 21 tahun dalam agensi kerajaan.

Jadual 4.1

Taburan Responden mengikut Jantina, Bangsa, Pendidikan dan Latar Belakang Pekerjaan (n=138)

Profil	Kekerapan	Peratus
Jantina		
Lelaki	69	50.0
Perempuan	69	50.0
Bangsa		
Melayu	136	98.6
India	2	1.4
Umur		
20-29	44	31.9
30-39	46	33.3
40-49	28	20.3
50-60	20	14.5
Pendidikan		
Sarjana	1	0.7
Sarjana Muda	27	19.6
Diploma	45	32.6
SPM	26	18.8

STPM	32	23.2
SRP/PMR	7	5.1
Tempat Berkhidmat		
Majlis Daerah	57	41.3
Pejabat Daerah	34	24.6
Pejabat Tanah	19	13.8
MADA	10	7.2
Jabatan Kerja Raya	7	5.1
Ibu Pejabat Polis Daerah	7	5.1
Jabatan Lain	4	2.9
Kumpulan Perjawatan		
Pengurusan & Profesional	16	11.6
Sokongan I	68	49.3
Sokongan II	54	39.1
Tempoh Berkhidmat		
1-10 tahun	78	56.5
11-20 tahun	30	21.7
21-30 tahun	19	13.8
31-40 tahun	11	8.0

Jadual 4.2 menunjukkan profil pemilikan akaun Facebook dalam kalangan responden kajian. Sebanyak 111 daripada 138 responden yang mewakili 80.4% responden mempunyai akaun Facebook, dengan majoritinya telah membuka akaun Facebook selama 1-5 tahun (47.1%). 31.2% responden pula telah mempunyai akaun Facebook selama 6-10 tahun. Hampir keseluruhan responden iaitu sebanyak 101 orang (73.2%) hanya memiliki satu akaun Facebook sahaja, dan sebahagian kecil mempunyai 2 akaun (4.3%), 3 akaun (1.4%) dan 4 akaun (1.4%). Majoriti responden juga mempunyai rakan Facebook yang melebihi 200 orang (43.5%). Bagi mengukur kekerapan mereka memperuntukkan masa melayari Facebook pula, 26.8% daripada jumlah responden melayari selama 10 hingga 30 minit sehari dan 17.4% melayari selama 31 hingga 60 minit sehari. Terdapat juga responden yang melayari lebih dari satu jam sehari iaitu mewakili 27.5%.

Jadual 4.2

Taburan Responden Berkaitan Pemilikan Akaun Facebook (n=138)

Profil	Kekerapan	Peratus
Adakah anda mempunyai akaun Facebook?		
Ya	111	80.4
Tidak	27	19.6
Tempoh Mempunyai Akaun Facebook		
1-5 tahun	65	47.1
6-10 tahun	43	31.2
Melebihi 10 tahun	3	2.2
Bilangan akaun Facebook		
1 akaun	101	73.2
2 akaun	6	4.3
3 akaun	2	1.4
4 akaun	2	1.4
Jumlah Rakan Dalam Satu Akaun Facebook		
<10 orang	5	3.6
10-50 orang	12	8.7
51-100 orang	13	9.4
101-150 orang	10	7.2
151-200 orang	11	8.0
>200 orang	60	43.5
Tempoh Melayari Facebook (Dalam Sehari)		
<10 minit	12	8.7
10-30 minit	37	26.8
31-60 minit	24	17.4
1-2 jam	20	14.5
2-3 jam	9	6.5
>3 jam	9	6.5

Sebanyak 88.4% (n = 122) responden memiliki akaun media sosial selain daripada akaun Facebook (Jadual 4.3). Media sosial lain yang mempunyai jumlah pemilikan yang agak tinggi ialah Whatsapp (31.2%), Instagram (23.2%), dan Wechat (21.7%). Pemilikan media sosial yang rendah pula ialah Twitter (7.2%) manakala selebihnya ialah Friendster, Telegram dan Skype yang mewakili 1.4% daripada keseluruhan responden. Dapatan kajian ini sedikit berbeza dengan kajian MAMPU pada tahun

2009. Keadaan ini berlaku kerana media sosial berkembang dengan cepat. Tempoh enam tahun daripada kajian tersebut mendapati pelbagai aplikasi baru diperkenalkan yang dapat digunakan dalam telefon pintar.

Jadual 4.3

Taburan Responden mengikut Pemilikan Akaun Media Sosial Selain Facebook (n=138)

Profil	Kekerapan	Peratus
Adakah anda mempunyai akaun media sosial selain Facebook?		
Ya	122	88.4
Tidak	16	11.6
Pemilikan Media Sosial Selain Facebook		
Whatsapp	43	31.2
Instagram	32	23.2
Wechat	30	21.7
Twitter	10	7.2
Friendster	2	1.4
Telegram	2	1.4
Skype	2	1.4
Blog	1	0.7

4.3 Hasil Analisis Deskriptif Pengurusan Privasi Facebook

Berikut adalah hasil analisis terhadap tiga dimensi yang membentuk Pengurusan Privasi Facebook iaitu sempadan pemilikan (Jadual 4.4), sempadan rangkaian (Jadual 4.5) dan sempadan kebolehtelapan (Jadual 4.6).

4.3.1 Sempadan pemilikan

Jadual 4.4 menunjukkan item-item bagi pernyataan berkaitan sempadan pemilikan. Responden mempunyai kecenderungan ke arah bersetuju dalam pengurusan privasi Facebook dalam konteks sempadan pemilikan berdasarkan kecenderungan persetujuan yang sederhana bagi semua item (min keseluruhan = 4.09, sisihan piawai

keseluruhan = 1.95). Pernyataan “Saya rasa maklumat peribadi tidak perlu didedahkan kepada semua orang” yang memberikan nilai min paling tinggi (min = 6.10; sisihan piawai = 1.62) menunjukkan bahawa responden mempunyai kecenderungan untuk merahsiakan maklumat peribadi mereka daripada mendedahkan kepada pihak lain. Dapatan pernyataan tersebut selari dengan hasil dapatan bagi pernyataan “Saya menceritakan hal kehidupan dalam Facebook” memberikan nilai min terendah (min = 2.46; sisihan piawai = 1.49).

Jadual 4.4

Analisis Deskriptif Pengurusan Privasi Facebook – Sempadan Pemilikan

Item	Min	Sisihan Piawai
1. Saya rasa maklumat peribadi tidak perlu didedahkan kepada semua orang.	6.10	1.62
2. Saya tidak megepos apa sahaja isu melalui Facebook kerana bimbang pengguna tidak dikenali mengaksesnya.	5.27	1.94
3. Saya menggunakan perkataan / simbol ringkas bila bercakap isu sensitif untuk menghadkan akses daripada semua orang.	4.59	1.84
4. Saya mengkomen profil Facebook saya supaya orang lain mudah mengaksesnya.	3.40	3.26
5. Saya meminimakan maklumat peribadi dalam Facebook.	2.71	1.54
6. Saya menceritakan hal kehidupan dalam Facebook.	2.46	1.49
Min Keseluruhan = 4.09;	Sisihan Piawai Keseluruhan = 1.95	

4.3.2 Sempadan rangkaian

Jadual 4.5 menunjukkan item-item bagi pernyataan berkaitan sempadan rangkaian. Responden mempunyai kecenderungan ke arah bersetuju dalam pengurusan privasi Facebook dalam konteks sempadan rangkaian berdasarkan kecenderungan persetujuan yang sederhana bagi semua item (min keseluruhan = 3.36; sisihan piawai keseluruhan = 1.67). Pernyataan “Saya memadamkan maklumat terlalu peribadi dalam Facebook” yang memberikan nilai min paling tinggi (min = 5.57; sisihan piawai = 1.89) menunjukkan bahawa responden mempunyai kecenderungan untuk

meletakkan satu had terhadap perkongsian maklumat yang terlalu peribadi. Dapatan pernyataan tersebut dapat menjelaskan pernyataan “Saya membenarkan orang lain mengakses profil Facebook saya melalui kata kunci” memberikan nilai min terendah (min = 2.33; sisihan piawai = 1.73).

Jadual 4.5

Analisis Deskriptif Pengurusan Privasi Facebook – Sempadan rangkaian

Item	Min	Sisihan Piawai
1. Saya memadamkan maklumat terlalu peribadi dalam Facebook.	5.57	1.89
2. Saya mahu berkongsi minat melalui Facebook untuk mendapat rakan baru.	4.53	1.64
3. Saya membenarkan orang lain mengakses profil Facebook saya melalui direktori.	2.70	1.67
4. Saya membuat pautan ke laman web / laman peminat yg. menarik untuk meningkatkan akses ke profil Facebook saya.	2.55	1.56
5. Saya melengkapkan profil Facebook.	2.46	1.49
6. Saya membenarkan orang lain mengakses profil Facebook saya melalui kata kunci.	2.33	1.73
Min Keseluruhan = 3.36; Sisihan Piawai Keseluruhan = 1.67		

4.3.3 Sempadan kebolehtelapan

Jadual 4.6 menunjukkan item-item bagi pernyataan berkaitan sempadan kebolehtelapan. Responden mempunyai kecenderungan ke arah bersetuju dalam pengurusan privasi Facebook dalam konteks sempadan kebolehtelapan berdasarkan kecenderungan persetujuan yang sederhana bagi semua item (min keseluruhan = 3.43; sisihan piawai keseluruhan = 1.66). Pernyataan “Saya jarang memperkatakan isu semasa melalui Facebook kerana orang lain telah melakukannya” yang memberikan nilai min paling tinggi (min = 4.93; sisihan piawai = 1.77) menunjukkan bahawa responden mempunyai kecenderungan untuk tidak membincangkan sesuatu perkara yang telah dibincangkan dalam Facebook. Walau bagaimanapun, pernyataan “Saya berkongsi maklumat dengan sesiapa sahaja dalam Facebook” memberikan nilai

min terendah (min = 2.12; sisihan piawai = 1.31) menunjukkan responden mengambil langkah berhati-hati dari aspek perkongsian maklumat.

Jadual 4.6

Analisis Deskriptif Pengurusan Privasi Facebook – Sempadan Kebolehtelapan

Item	Min	Sisihan Piawai
1. Saya jarang memperkatakan isu semasa melalui Facebook kerana orang lain telah melakukannya.	4.93	1.77
2. Saya berkongsi minat yang sama dengan orang lain melalui Facebook.	4.51	1.78
3. Saya berbincang hal kerja di Facebook.	3.28	1.58
4. Saya bercakap hal peribadi di Facebook.	2.91	1.72
5. Saya kerap mengemaskini status dan kandungan Facebook.	2.67	1.73
6. Saya berkongsi maklumat dengan sesiapa sahaja dalam Facebook.	2.12	1.31
Min Keseluruhan = 3.43; Sisihan Piawai Keseluruhan = 1.66		

4.4 Hasil Analisis Deskriptif Keamatan Penggunaan Facebook

Jadual 4.7 menunjukkan item-item pemboleh ubah keamatan penggunaan Facebook. Secara umumnya, responden menunjukkan kecenderungan ke arah tidak bersetuju berkenaan keamatan penggunaan Facebook (min keseluruhan = 3.11; sisihan piawai keseluruhan = 1.87). Nilai min keseluruhan yang rendah menunjukkan bahawa keamatan penggunaan Facebook adalah rendah. Pernyataan “Saya gembira menjadi sebahagian ahli komuniti Facebook” memberikan nilai min tertinggi (min = 3.59; sisihan piawai = 1.54) yang menunjukkan responden mempunyai persetujuan pada tahap sederhana. Pernyataan “Saya bangga memberitahu akaun Facebook saya kepada orang lain” memberikan nilai min terendah (min = 2.64; sisihan piawai = 1.51). Ia menggambarkan bahawa responden berkongsi akaun Facebook mereka pada tahap yang rendah.

Jadual 4.7

Analisis Deskriptif Keamatan Penggunaan Facebook

Item	Min	Sisihan Piawai
1. Saya gembira menjadi sebahagian ahli komuniti Facebook.	3.59	1.54
2. Mengakses Facebook adalah rutin kehidupan harian saya.	3.40	3.28
3. Menggunakan Facebook adalah sebahagian kehidupan saya	3.16	1.57
4. Saya sedih jika Facebook tidak dapat diakses.	3.06	1.63
5. Hidup saya seperti tidak lengkap jika tidak mengakses Facebook walau seketika.	2.79	1.67
6. Saya bangga memberitahu akaun Facebook saya kepada orang lain.	2.64	1.51
Min Keseluruhan = 3.11; Sisihan Piawai Keseluruhan = 1.87		

4.5 Hasil Analisis Deskriptif Orientasi Privasi Organisasi

Jadual 4.8 menunjukkan item-item pemboleh ubah orientasi privasi organisasi. Secara keseluruhan, responden mempunyai kecenderungan ke arah bersetuju dalam orientasi privasi organisasi berdasarkan kecenderungan persetujuan yang tinggi bagi semua item (min keseluruhan = 4.64; sisihan piawai keseluruhan = 1.59). Pernyataan “Kakitangan tempat saya bekerja tidak berbincang maklumat sulit secara terbuka” memberikan nilai min paling tinggi (min = 5.20; sisihan piawai = 1.65) menunjukkan bahawa responden berpandangan bahawa persekitaran tempat kerja mereka mengamalkan privasi yang tinggi bagi maklumat yang dikategorikan sulit. Dapatan pernyataan tersebut diperkukuhkan lagi dengan hasil dapatan bagi pernyataan “Kakitangan tempat saya bekerja berkongsi maklumat peribadi mereka di antara satu sama lain.” memberikan nilai min terendah (min = 3.97; sisihan piawai = 1.63). Responden juga mempunyai orientasi privasi yang tinggi bagi perkongsian maklumat peribadi.

Jadual 4.8

Analisis Deskriptif Orientasi Privasi Organisasi

Item	Min	Sisihan Piawai
1. Kakitangan tempat saya bekerja tidak berbincang maklumat sulit secara terbuka.	5.20	1.65
2. Kakitangan tempat saya bekerja menyimpan maklumat sulit daripada pengetahuan kakitangan lain.	4.98	1.53
3. Terdapat kelompok kakitangan yang menyimpan maklumat penting dari diketahui oleh kakitangan lain.	4.81	1.55
4. Kakitangan di tempat saya bekerja bersikap terbuka dalam membincangkan sesuatu perkara.	4.64	1.57
5. Kakitangan tempat saya bekerja mengetahui semua perkara yang berlaku di tempat kerja.	4.23	1.60
6. Kakitangan tempat saya bekerja berkongsi maklumat peribadi mereka di antara satu sama lain.	3.97	1.63
Min Keseluruhan = 4.64; Sisihan Piawai Keseluruhan = 1.59		

4.6 Hasil Analisis Deskriptif Kemahiran Swaawas

Jadual 4.9 menunjukkan item-item pemboleh ubah kemahiran swaawas iaitu menyesuaikan diri dalam sesuatu persekitaran. Secara keseluruhan, responden mempunyai kecenderungan ke arah bersetuju bagi kemahiran menyesuaikan diri dalam persekitaran (swaawas) berdasarkan kecenderungan persetujuan yang tinggi bagi semua item (min keseluruhan = 3.73, sisihan piawai keseluruhan = 1.73). Pernyataan “Saya hanya memberi pandangan terhadap suatu perkara yang saya tahu sahaja” memberikan nilai min paling tinggi (min = 5.51, sisihan piawai = 1.64) menunjukkan bahawa majoriti responden mengamalkan kemahiran swaawas yang tinggi. Pernyataan “Saya boleh berbohong dalam keadaan bersahaja.” memberikan nilai min terendah (min = 2.29, sisihan piawai = 1.51) menunjukkan bahawa responden mengamalkan kemahiran swaawas positif pada tahap yang tinggi.


Jadual 4.9

Analisis Deskriptif Kemahiran Swaawas

Item	Min	Sisihan Piawai
1. Saya hanya memberi pandangan terhadap suatu perkara yang saya tahu sahaja.	5.51	1.64
2. Saya berasa lebih seronok menonton cerita komedi bersama kawan-kawan berbanding seorang diri.	4.72	1.72
3. Kadangkala, saya berpura-pura gembira walaupun sebenarnya saya tidak gembira.	4.39	1.68
4. Gelagat saya akan memperlihatkan diri saya yang sebenar.	4.37	1.65
5. Saya boleh kelihatan mesra walaupun terhadap orang yang saya tidak suka.	4.19	1.72
6. Saya menunjukkan tingkah laku berbeza ketika berada bersama kumpulan orang yang kurang saya kenal.	4.10	1.46
7. Saya mengelak daripada menonjolkan diri dalam sesuatu majlis.	4.07	1.59
8. Dalam sesuatu majlis, saya lebih suka membiarkan orang lain menguasai keadaan.	4.06	1.48
9. Saya tidak akan mengubah pandangan saya hanya untuk mengembirakan orang lain.	4.04	1.65
10. Saya tidak begitu pandai membuatkan orang menyukai saya.	4.01	1.49
11. Kadangkala saya kelihatan beremosi dalam sesuatu tindakan.	3.96	1.55
12. Saya ditanggap sebagai seorang yang kelakar.	3.85	1.61
13. Saya sukar menyesuaikan gelagat saya dengan orang lain atau situasi berbeza.	3.79	3.76
14. Saya boleh berucap secara spontan walaupun saya tidak menguasai perkara yang perlu diperkatakan itu.	3.72	1.58
15. Kehadiran saya kurang dirasai dalam sesuatu perbincangan.	3.61	1.27
16. Saya berasa janggal berada di khalayak ramai menyebabkan saya sukar bertingkah laku seperti sepatutnya.	3.54	1.45
17. Saya tak pandai mengendalikan situasi kompleks.	3.42	1.33
18. Saya jarang meminta nasihat kawan-kawan apabila ingin melakukan perkara yang saya suka.	3.36	1.69
19. Saya rasa boleh berlakon dengan baik jika keadaan memerlukan.	3.30	1.61
20. Saya boleh melakukan tindakan yang menarik perhatian orang lain.	3.19	1.55
21. Saya jarang bertingkah laku seperti diri saya yang sebenar.	3.06	1.59
22. Saya meniru gelagat orang sekeliling dalam suasana yang asing bagi saya.	3.01	1.53
23. Saya sukar menyesuaikan diri dengan gelagat orang sekeliling.	3.00	1.58
24. Saya sanggup berpura berwatak seperti orang lain yang disukai ramai.	2.64	1.51
25. Saya boleh berbohong dalam keadaan bersahaja.	2.29	1.51
Min Keseluruhan = 3.73; Sisihan Piawai Keseluruhan = 1.73		

4.7 Penilaian Model Pengukuran

Rajah 4.1 menunjukkan hasil analisis model hipotesis kajian yang memenuhi kriteria penilaian model pengukuran berdasarkan prosedur analisis *Partial Least Squares Structural Equation Modeling* (PLS-SEM) berbantuan perisian SmartPLS 3.0.



Rajah 4.1. Hasil Analisis Model Hipotesis Kajian

Model kajian yang dinilai dari empat aspek iaitu (1) Ketekalan dalaman yang diukur berdasarkan *alfa cronbach* dan kebolehpercayaan komposit (2) kebolehpercayaan setiap indikator berdasarkan nilai *outer loading*, (3) Kesahan konvergen berdasarkan nilai *Average Variance Extracted* (AVE), dan (4) kesahan diskriminan berdasarkan nilai *cross loading*, kriteria Fornell-Larcker dan HTMT (Hair, Hult, Ringel & Sarstedt, 2014).

4.7.1 Penilaian Ketekalan Dalaman

Jadual 4.10 menunjukkan lima konstruk kajian mencapai ketekalan dalaman yang baik berdasarkan nilai kebolehpercayaan komposit (ρ_{CK}) yang melebihi 0.7 iaitu di antara nilai antara 0.791 hingga 0.907.

4.7.2 Penilaian Kebolehpercayaan Setiap Indikator

Hasil analisis terhadap pemberatan faktor pula menunjukkan semua item bagi keamatan penggunaan Facebook dikekalkan. Item INTS06 tidak mencapai pemberatan faktor yang baik melebihi 0.7 ($\lambda = 0.683$), namun dikekalkan kerana item-item tersebut adalah item penerokaan kerana nilai 0.6 masih diterima (Hair et al, 2014). Bagi konstruk Orientasi Privasi Organisasi pula terdapat tiga item digugurkan kerana mencapai nilai pemberatan faktor yang baik. Walau bagaimanapun, item OPK03 ($\lambda = 0.476$) dikekalkan kerana ia tidak menjejaskan kebolehpercayaan komposit yang mempunyai nilai melebihi 0.7 ($\rho_{CK} = 0.791$) dan nilai AVE yang melebihi 0.5 ($AVE = 0.573$). Konstruk pengurusan privasi Facebook pula adalah faktor peringkat kedua. Dimensi sempadan pemilikan gagal membentuk konstruk pengurusan privasi Facebook dan digugurkan dari konstruk kajian. Kesemua item bagi dimensi sempadan kebolehtelapan dikekalkan dan mencapai nilai pemberatan faktor (λ) yang baik di antara 0.626 hingga 0.817. Manakala dua item bagi konstruk sempadan rangkaian digugurkan kerana tidak mencapai nilai pemberatan faktor yang baik.

4.7.3 Penilaian Kesahan Konvergen

Penilaian kesahan konvergen mendapati nilai AVE bagi konstruk kajian ini diterima iaitu Keamatan penggunaan Facebook ($AVE=0.663$), Orientasi Privasi Organisasi ($AVE=0.573$), Sempadan Kebolehtelapan ($AVE=0.523$), dan Sempadan rangkaian ($AVE=0.574$). Nilai AVE bagi Pengurusan Privasi Facebook menunjukkan kurang daripada 0.5 (0.392), walaubagaimanapun konstruk ini dikekalkan kerana nilai kebolehpercayaan kompositnya menunjukkan nilai melebihi 0.7 iaitu 0.852 dan nilai *alfa conbach* ialah 0.805.

Jadual 4.10

Penilaian Model Pengukuran Kajian

Konstruk	Indikator	λ	ρ_{CI}	α	ρ_{CK}	AVE	Diskriminan
Had Diterima		(>0.708)	(>0.501)	(>0.7)	(>0.7)	(>0.5)	
1. Keamatan Penggunaan Facebook	INTS01	0.893	0.797	0.871	0.907	0.663	Ya
	INTS03	0.883	0.780				
	INTS04	0.825	0.681				
	INTS05	0.768	0.590				
	INTS06	0.683	0.466				
2. Orientasi Privasi Organisasi	OPK03	0.476	0.227	0.622	0.791	0.573	Ya
	OPK04	0.832	0.692				
	OPK05	0.895	0.801				
3. Pengurusan Privasi Facebook	PVS01	0.706	0.498	0.805	0.852	0.392	Ya
	PVS02	0.628	0.394				
	PVS03	0.637	0.406				
	PVS04	0.629	0.396				
	PVS06	0.561	0.315				
	PVS15	0.630	0.397				
	PVS16	0.660	0.436				
	PVS17	0.596	0.355				
	PVS18	0.574	0.329				
^a Sempadan Kebolehtelapan	PVS01	0.817	0.667	0.769	0.845	0.523	Ya
	PVS02	0.710	0.504				
	PVS03	0.718	0.516				
	PVS04	0.731	0.534				
	PVS06	0.626	0.392				
^b Sempadan rangkaian	PVS15	0.713	0.508	0.752	0.843	0.574	Ya
	PVS16	0.788	0.621				
	PVS17	0.754	0.569				
	PVS18	0.772	0.596				

Nota: a dan b adalah dimensi bagi konstruk Pengurusan Privasi, λ =Pemberatan faktor,
 ρ_{CI} =Kebolehpercayaan Indikator, α = alfa cronbach, ρ_{CK} = Kebolehpercayaan Komposit, AVE = Kesahan Konvergen

4.7.4 Penilaian Kesahan Diskriminan

Jadual 4.11 menunjukkan nilai faktor setiap indikator konstruk dan nilai *cross loading* dengan nilai faktor dengan indikator dalam konstruk lain. Kesahan diskriminan kajian ini dicapai apabila nilai bagi setiap indikator suatu konstruk (digelapkan) mempunyai nilai lebih tinggi berbanding nilai indikator konstruk yang lain.

Jadual 4.11

Pemberatan Silang Antara Item Konstruk Model Pengukuran

Konstruk	Dimensi	Indikator	(1)	(2)	Pengurusan Privasi Facebook			(6)
					(3)	(4)	(5)	
Keamatan Penggunaan Facebook (1)		INTS01	0.893	0.076	0.455	0.304	0.458	0.283
		INTS03	0.883	0.150	0.341	0.226	0.342	0.276
		INTS04	0.825	0.221	0.236	0.085	0.199	0.298
		INTS05	0.768	0.278	0.320	0.154	0.290	0.190
		INTS06	0.683	0.195	0.082	0.054	0.083	0.272
		OPK03	0.159	0.476	0.059	-	0.005	0.035
Orientasi Privasi Organisasi (2)		OPK04	0.115	0.832	-	-	-	-
					0.163	0.140	0.180	0.064
		OPK05	0.220	0.895	-	-	-	-
Pengurusan Privasi Facebook (5)	Sempadan Kebolehtelapan (3)	PVS01	0.310	-0.058	0.817	0.339	0.706	0.216
		PVS02	0.299	-0.182	0.710	0.314	0.628	0.196
		PVS03	0.265	0.008	0.718	0.337	0.637	0.177
		PVS04	0.133	-0.193	0.731	0.301	0.629	0.235
		PVS06	0.350	-0.146	0.626	0.281	0.561	0.264
		PVS15	0.130	-0.177	0.388	0.713	0.630	0.226
	Sempadan rangkaian (4)	PVS16	0.168	-0.078	0.374	0.788	0.660	0.268
		PVS17	0.108	-0.057	0.300	0.754	0.596	0.260
		PVS18	0.254	-0.069	0.245	0.772	0.574	0.278
Kemahiran Swaawas (6)		selfmon	0.321	-0.024	0.299	0.340	0.375	1.000

Jadual 4.12 menunjukkan keputusan analisis penilaian Fornell-Larcker dimana semua nilai AVE melebihi nilai korelasi kuasa dua yang ditunjukkan melalui nilai-nilai sebelah bawah pepenjuru jadual. Oleh itu, kesahan diskriminan kajian ini turut dicapai berdasarkan kriteria Fornell-Larcker. Nilai pengurusan privasi Facebook (0.626) lebih rendah daripada nilai sempadan rangkaian (0.757) dan sempadan kebolehtelapan (0.723) yang menunjukkan bahawa kedua-dua konstruk berkenaan adalah dimensi bagi konstruk pengurusan privasi Facebook.

Jadual 4.12

Kriteria Fornell-Larcker

Konstruk	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)
Keamatan Penggunaan Facebook (1)	0.814					
Orientasi Privasi Organisasi (2)	0.217	0.757				
Pengurusan Privasi Facebook (3)	0.359	-0.169	0.626			
Kemahiran Swaawas (4)	0.321	-0.024	0.375	1.000		
Sempadan rangkaian (5)	0.217	-0.127	0.814	0.340	0.757	
Sempadan Kebolehtelapan (6)	0.373	-0.154	0.877	0.299	0.435	0.723

Jadual 4.13 menunjukkan keputusan analisis Heterotrait-Monotrait Ratio (HTMT). Nilai korelasi antara konstruk kurang daripada 0.85 yang menunjukkan bahawa semua konstruk adalah berbeza di antara satu sama lain.

Jadual 4.13

Nisbah Heterotrait-Monotrait (HTMT)

Konstruk	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)
Keamatan Penggunaan Facebook(1)						
Orientasi Privasi Organisasi (2)	0.308					
Pengurusan Privasi Facebook (3)	0.404	-0.195				
Kemahiran Swaawas (4)	0.348	-0.005	0.420			
Sempadan rangkaian (5)	0.252	-0.164	1.049	0.393		
Sempadan Kebolehtelapan (6)	0.435	-0.175	1.111	0.344	0.568	

HTMT < 0.85

4.8 Penilaian Model Struktur

Penilaian model struktur merangkumi beberapa langkah penilaian iaitu menentukan kolineariti, menilai kesignifikanan serta hubungan dalam model struktur, tahap ketepatan prediktif, (R^2) dan kesan saiz ketepatan prediktif, (f^2).

4.8.1 Penilaian Kolineariti

Jadual 4.14 menunjukkan pemboleh ubah orientasi privasi organisasi dan kemahiran swaawas mempunyai nilai *Variance Inflation Factor* kurang daripada 5 ($VIF < 5$) terhadap pemboleh ubah. Pemboleh ubah intensiti penggunaan Facebook, orientasi privasi organisasi dan kemahiran swaawas turut mempunyai nilai *Variance Inflation Factor* kurang dari 5 ($VIF < 5$) terhadap pemboleh ubah pengurusan privasi. Dapatan ini menjelaskan bahawa tidak wujud kolineariti (pertindanan) di antara pemboleh ubah kajian.

Jadual 4.14

Penilaian Kolineariti Konstruk

Set Pertama – Keamatan Penggunaan		Set Kedua – Pengurusan Privasi	
Konstruk	VIF	Konstruk	VIF
Orientasi Privasi Organisasi	1.001	Keamatan Penggunaan Facebook	1.182
Kemahiran Swaawas	1.001	Orientasi Privasi Organisasi	1.060
		Kemahiran Swaawas	1.127

* $VIF < 5 =$ Tiada Kolineariti

4.8.2 Kesignifikanan Hubungan Dalam Model Struktur

Kesignifikan ditentukan berdasarkan: (1) pengaruh keamatan penggunaan Facebook terhadap pengurusan privasi Facebook (2) pengaruh orientasi privasi organisasi terhadap pengurusan privasi Facebook, (3) pengaruh orientasi privasi organisasi

terhadap keamatan penggunaan Facebook, (4) pengaruh kemahiran swaawas terhadap pengurusan privasi Facebook, dan (5) pengaruh kemahiran swaawas terhadap keamatan penggunaan Facebook. Hasil analisis dalam Jadual 4.15 menunjukkan semua pemboleh ubah memberi kesan yang signifikan pada aras keyakinan 5%. Kesignifikan hubungan ini juga disusun sebagai pengujian hipotesis seperti Jadual 4.15.

Jadual 4.15

Penilaian Kesignifikan dan Kerelevanan Hubungan Dalam Model Struktur

Hipotesis	Hubungan	β	t	p	95% CI
H1	Keamatan Penggunaan Facebook → Pengurusan Privasi Facebook	0.324	3.246	0.001*	[0.132, 0.516]
H2	Orientasi Privasi Organisasi → Pengurusan Privasi Facebook	-0.232	2.049	0.041*	[-0.468, -0.001]
H3	Orientasi Privasi Organisasi → Keamatan Penggunaan Facebook	0.225	2.063	0.040*	[-0.042, 0.394]
H4	Kemahiran Swaawas → Pengurusan Privasi Facebook	0.266	3.132	0.002*	[0.079, 0.313]
H5	Kemahiran Swaawas → Keamatan Penggunaan Facebook	0.327	3.342	0.001*	[0.122, 0.422]

Nota: *p<0.05

4.8.2.1 Hipotesis 1: Keamatan penggunaan Facebook mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pengurusan privasi Facebook.

Jadual 4.15 menunjukkan pemboleh ubah keamatan penggunaan Facebook memberi pengaruh yang signifikan terhadap pengurusan privasi Facebook ($\beta=0.324$; $t=3.246$; $p<0.05$; CI [0.132, 0.516]). Hasil kajian menunjukkan responden yang menggunakan Facebook dengan kadar yang tinggi akan lebih memberi perhatian terhadap pengurusan maklumat yang dikongsi di Facebook. Dapatan ini selari dengan kajian Park, Kee, dan Valenzuela (2009). Menurut Ross et al. (2009) dan Madden dan Smith (2010) pengguna Facebook akan menjadi lebih cekap dalam pengurusan akaun dan maklumat Facebook mereka disebabkan keamatan penggunaan yang tinggi bagi

media tersebut. Oleh itu, hipotesis yang mengatakan bahawa keamatan penggunaan Facebook memberi pengaruh yang signifikan terhadap pengurusan privasi Facebook adalah diterima.

4.8.2.2 Hipotesis 2: Orientasi privasi organisasi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pengurusan privasi Facebook.

Jadual 4.15 menunjukkan pemboleh ubah orientasi privasi organisasi memberi pengaruh yang signifikan terhadap pengurusan privasi Facebook ($\beta=-0.232$, $t=2.049$, $p=0.041$, $CI[-0.468, -0.001]$). Hasil dapatan ini bertepatan dengan pandangan teori CPM yang menunjukkan faktor kontekstual seperti orientasi privasi organisasi sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi pengurusan privasi atas talian (Petronio, 2002). Kaedah pengurusan privasi juga turut boleh memberi kesan terhadap cara mereka mengurus dan mengawal privasi ketika mana mereka tidak diawasi, khususnya ketika mereka berkomunikasi secara atas talian (Allen et al., 2007; Stanton & Stam, 2003). Oleh itu, hipotesis yang mengatakan bahawa orientasi privasi organisasi memberi pengaruh yang signifikan terhadap pengurusan privasi Facebook adalah diterima.

4.8.2.3 Hipotesis 3: Orientasi privasi organisasi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap keamatan penggunaan Facebook.

Jadual 4.15 menunjukkan pemboleh ubah orientasi privasi organisasi memberi pengaruh yang signifikan terhadap keamatan penggunaan Facebook ($\beta=-0.225$, $t=2.063$, $p=0.040$, $CI[-.042, -0.394]$). Dapatan ini menunjukkan orientasi privasi di tempat kerja yang melibatkan komunikasi luar talian akan memberi kesan terhadap keamatan penggunaan komunikasi secara atas talian bagi berkongsi maklumat (Haase,

Wellman, Witte, & Hampton, 2002). Oleh itu, hipotesis yang mengatakan bahawa orientasi privasi organisasi memberi pengaruh yang signifikan terhadap keamanan penggunaan Facebook adalah diterima.

4.8.2.4 Hipotesis 4: Kemahiran swaawas mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pengurusan privasi Facebook.

Jadual 4.15 menunjukkan kemahiran swaawas memberi pengaruh yang signifikan terhadap pengurusan privasi Facebook ($\beta=-0.266$, $t=3.132$, $p=0.002$, $CI[0.079, 0.313]$). Ini menunjukkan bahawa individu yang mementingkan penampilan imej sosial dan penampilan umum mereka akan turut memastikan penampilan diri mereka semasa semasa berinteraksi menggunakan media sosial (Ellison, Heino, & Gibbs, 2006; Hall, Park, Song, & Cody, 2010). Dapatan kajian ini adalah selaras dengan dapatan kajian berpandukan teori CPM (Child & Agyeman-Bidu, 2010; Rosenberg & Egbert, 2011) yang mendapati kemahiran swaawas mempunyai pengaruh terhadap pengurusan privasi pengguna media sosial. Oleh itu, hipotesis yang mengatakan bahawa kemahiran swaawas memberi pengaruh yang signifikan terhadap pengurusan privasi Facebook adalah diterima.

4.8.2.5 Hipotesis 5: Kemahiran swaawas mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap keamanan penggunaan Facebook.

Jadual 4.15 menunjukkan kemahiran swaawas memberi pengaruh yang signifikan terhadap keamanan penggunaan Facebook ($\beta=-0.327$, $t=3.342$, $p=.001$, $CI[0.122, 0.422]$). Dapatan ini selari dengan kajian Child dan Agyeman-Bidu (2010) yang menunjukkan kemahiran swaawas mempengaruhi keamanan penggunaan Facebook. Individu yang mementingkan penampilan mereka akan lebih kerap mengemaskini

akaun mereka (Hall & Pennington, 2013). Oleh itu, hipotesis yang mengatakan bahawa kemahiran swaawas memberi pengaruh yang signifikan terhadap keamanan penggunaan Facebook adalah diterima.

4.8.3 Ketepatan Prediktif (R^2) dan Kerelevanan Prediktif (Q^2)

Nilai pekali penentuan (*coefficient of determination*) R^2 , menunjukkan ketepatan prediktif iaitu bagaimana sekumpulan pemboleh ubah peramal meramalkan perubahan kepada pemboleh ubah bersandar. Dalam kajian ini, perubahan dalam pemboleh ubah pengurusan privasi diramalkan sebanyak 27.1% ($R^2=0.271$) oleh pemboleh ubah keamanan penggunaan Facebook, kemahiran swaawas dan orientasi privasi organisasi. Manakala pemboleh ubah keamanan penggunaan Facebook diramalkan sebanyak 15.8% oleh pemboleh ubah kemahiran swaawas dan orientasi privasi organisasi. Nilai R^2 yang secara relatifnya adalah kecil bagi kedua-dua pemboleh ubah ini menunjukkan bahawa pengurusan privasi Facebook dan keamanan penggunaan Facebook kurang diberi perhatian oleh kebanyakan responden. Namun bagi kajian dalam disiplin ilmu berkaitan tingkahlaku pengguna, nilai R^2 sekitar 0.20 dianggap besar (Hair et al., 2014). Ini menandakan bahawa pengurusan privasi Facebook perlu diberi perhatian dalam hal menguruskan media sosial. Dalam konteks pemodelan persamaan struktur (SEM), nilai Q^2 yang lebih besar dari 0 bagi pemboleh ubah pengurusan privasi Facebook ($Q^2 = 0.098$) dan keamanan penggunaan Facebook ($Q^2 = 0.092$), menunjukkan wujud kerelevanan prediktif bagi pengukuran pemboleh ubah dan laluan dalam model kajian ini. Dalam erti kata yang lain, kedua-dua pemboleh ubah ini adalah relevan diterangkan oleh pemboleh ubah peramal. Lihat Jadual 4.16.

Jadual 4.16

Perbandingan Ketepatan Prediktif (R^2) dan Kerelevanan Prediktif (Q^2) Pengurusan Privasi dan Keamatan Penggunaan

Pemboleh ubah	Ketepatan Prediktif (R^2)	Kerelevanan Prediktif (Q^2)
Pengurusan Privasi		
Facebook	0.271	0.098
Keamatan Penggunaan		
Facebook	0.158	0.092

4.8.4 Kesan Saiz Ketepatan Prediktif (f^2) dan Saiz Kerelevanan Prediktif (q^2)

Saiz kesan peramal dapat menunjukkan impak bagi ketepatan dan kerelevanan penggunaan sesuatu peramal (pemboleh ubah bebas) terhadap pemboleh ubah diramal (pemboleh ubah bersandar). Jadual 4.17 memaparkan saiz kesan ketepatan peramalan yang ditunjukkan oleh nilai f^2 dan saiz kesan kerelevanan peramalan yang ditunjukkan oleh nilai q^2 . Hasil analisis mendapati keamatan penggunaan Facebook memberi kesan ketepatan peramalan yang sederhana ($f^2 = 0.15$), berbanding kemahiran swaawas ($f^2 = 0.07$) dan orienasi privasi organisasi ($f^2 = 0.08$) yang memberi kesan ketepatan peramalan yang kecil. Ini menunjukkan bahawa keamatan penggunaan Facebook adalah peramal dengan impak lebih baik berbanding kemahiran swaawas dan orientasi privasi dalam kajian ini. Manakala kemahiran swaawas memberi impak ketepatan peramalan lebih baik ($f^2 = 0.15$) berbanding orientasi privasi organisasi ($f^2 = 0.05$) terhadap keamatan penggunaan Facebook.

Sungguhpun dari segi kerelevanan peramalan (q^2), kesemua pemboleh ubah peramal (keamatan penggunaan Facebook, kemahiran swaawas dan orientasi privasi organisasi) menunjukkan impak kerelevanan yang kecil, namun keamatan penggunaan ($q^2 = 0.04$) memberi impak lebih baik kepada pengurusan privasi

Facebook manakala orientasi privasi organisasi ($q^2 = 0.07$) memberi impak lebih baik kepada keamatan penggunaan Facebook.

Jadual 4.17

*Saiz Kesan Ketepatan Peramalan (f^2) dan Saiz Kesan Kerelevanan Peramalan (q^2)
Pengurusan Privasi dan Keamatan Penggunaan*

	Pengurusan Privasi			Keamatan Penggunaan		
	Koefisien Lualan	Saiz Kesan (f^2)	Saiz Kesan (q^2)	Koefisien Lualan	Saiz Kesan (f^2)	Saiz Kesan (q^2)
Keamatan Penggunaan	0.353	0.15	0.04	-	-	-
Kemahiran Swaawas	0.250	0.07	0.02	0.345	0.15	0.02
Orientasi Privasi Org.	0.230	0.08	0.01	0.204	0.05	0.07

Nota: Petunjuk kesan saiz: 0.02=kecil, 0.15=sederhana, 0.35=besar

4.9 Penutup

Secara umumnya, dapatan kajian telah dihuraikan dengan lebih terperinci berdasarkan instrumen kajian yang telah digunakan iaitu soal selidik responden. Pengurusan privasi Facebook perlu diberi perhatian bagi menguruskan media sosial di mana pengurusan privasi Facebook dan keamatan penggunaan Facebook menunjukkan wujudnya kerelevanan prediktif dalam kajian ini.

Perbincangan dan analisis data ini menjelaskan dengan lebih mendalam tentang keamatan penggunaan Facebook yang merupakan peramal ketepatan yang baik kepada pengurusan privasi Facebook responden. Selain itu juga, orientasi privasi organisasi turut memberi impak lebih baik kepada keamatan penggunaan Facebook responden.

BAB LIMA

RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan ringkasan kajian yang meliputi pernyataan masalah, objektif kajian, metodologi, hasil kajian, dan kesimpulan. Selain itu, bab ini turut membincangkan implikasi kajian dan cadangan kajian lanjutan.

5.2 Rumusan Kajian

Perbincangan ringkasan kajian adalah berkenaan dengan pernyataan masalah, objektif kajian, metodologi kajian dan hasil kajian.

5.2.3 Perbincangan Kajian

5.2.3.1 Profil Responden

Responden terdiri daripada penjawat awam yang bertugas di enam jabatan kerajaan negeri, kerajaan persekutuan dan badan berkanun di daerah Pendang, Kedah. Majoriti responden berumur antara 30-39 tahun. Responden adalah penjawat awam berkelulusan diploma, Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia, Sarjana Muda dan Sijil Pelajaran Malaysia. Kakitangan kumpulan Sokongan I dan Sokongan II mewakili sebahagian besar responden.

Sebanyak 80.4% responden mempunyai akaun Facebook, dengan majoritinya telah membuka akaun Facebook selama 1-5 tahun. dan hanya memiliki satu akaun Facebook sahaja. Dari segi kekerapan masa melayari Facebook pula, 37% daripada jumlah responden melayari selama 10 hingga 30 minit dan 24% melayari selama 31

hingga 60 minit sehari. Selain daripada memiliki Facebook, separuh daripada responden yang memiliki akaun media sosial yang lain antaranya *Whatsapp*, *Instagram*, dan *Wechat*.

5.2.3.2 Pengujian Hipotesis Kajian

Objektif pertama kajian ini bagi mengenalpasti pengaruh keamatan penggunaan Facebook terhadap pengurusan privasi Facebook telah membuktikan ia mempunyai pengaruh yang signifikan. Responden yang menggunakan Facebook dengan keamatan yang tinggi akan lebih menekankan kepada pengurusan privasi Facebook mereka tentang maklumat-maklumat yang dikongsikan. Dapatan ini selari dengan kajian Child dan Agyeman-Bidu (2010) dan Hall & Pennington (2013).

Objektif kedua kajian ini bagi mengenalpasti pengaruh orientasi privasi organisasi terhadap pengurusan privasi Facebook telah membuktikan ia mempunyai pengaruh yang signifikan. Jabatan kerajaan yang lebih menekankan kepada orientasi privasi menunjukkan yang kakitangannya kurang menekankan kepada pengurusan privasi Facebook masing-masing terutamanya mengenai pendedahan maklumat-maklumat sulit jabatan di laman Facebook mereka. Dapatan ini menunjukkan orientasi privasi di tempat kerja memberi kesan terhadap cara untuk mengurus dan mengawal privasi mereka ketika berkomunikasi secara atas talian (Allen et. Al, 2007; Stanton & Stam, 2003).

Objektif ketiga bagi mengenalpasti pengaruh orientasi privasi organisasi terhadap keamatan penggunaan Facebook telah membuktikan ia mempunyai pengaruh yang signifikan. Jabatan kerajaan yang mengenakan syarat dan peraturan tentang orientasi privasi di jabatan menyebabkan ia memberi kesan kepada keamatan penggunaan

Facebook di jabatan. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Haase, Wellman, Witte, & Hampton (2002).

Objektif keempat kajian ini bagi mengenalpasti pengaruh kemahiran swaawas terhadap pengurusan privasi Facebook telah membuktikan ia mempunyai pengaruh yang signifikan. Responden yang mengawal penampilan mereka di Facebook menunjukkan yang mereka begitu menekankan isu pengurusan privasi Facebook agar sentiasa kelihatan seperti mana yang dikehendaki mereka pada setiap masa. Selain itu, mereka akan berhati-hati dalam mendedahkan atau menyembunyikan maklumat personal mereka di Facebook. Hasil dapatan ini bertepatan dengan pandangan Teori CPM (Petronio, 2002) dan kajian Allen et al., (2007) dan Stanton dan Stam (2003).

Objektif kelima kajian adalah untuk mengenalpasti pengaruh kemahiran swaawas terhadap keamatan penggunaan Facebook telah membuktikan ia mempunyai pengaruh yang signifikan. Responden yang mementingkan isu personaliti atau penampilan diri di Facebook akan menggunakan Facebook pada kadar keamatan yang tinggi di mana mereka akan selalu mengemaskini laman Facebook mereka agar sentiasa menepati penampilan yang mereka kehendaki. Dapatan kajian ini adalah selaras dengan dapatan kajian oleh Hall & Pennington (2013).

Objektif keenam kajian bagi menentukan pemboleh ubah utama dalam meramalkan perubahan kepada keamatan penggunaan dan pengurusan privasi Facebook. Dapatan menunjukkan kemahiran swaawas memberi impak utama kepada keamatan penggunaan, berbanding orientasi privasi organisasi. Hal ini menunjukkan bahawa faktor individu memainkan peranan yang penting. Penjawat awam perlu memiliki kemahiran swaawas dalam pengurusan privasi mereka. Mereka perlu lebih berhati-

hati terhadap pendedahan maklumat personal bagi membentuk sempadan privasi mereka. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian-kajian lepas yang menunjukkan mereka yang mempunyai kemahiran swaawas akan lebih fleksibel dan mampu mengawal pendedahan maklumat dalam hubungan interpersonal mereka (Child & Budu, 2010; Bello, 2005, Flynn et., 2006).

Manakala bagi pemboleh ubah pengurusan privasi, keamatan penggunaan memberi impak utama berbanding kemahiran swaawas dan orientasi privasi organisasi. Dapatan ini menunjukkan bahawa faktor individu iaitu keamatan penggunaan masih menjadi faktor utama yang disokong selepasnya oleh faktor persekitaran (iaitu orientasi privasi organisasi) dan faktor individu (iaitu kemahiran swaawas). Keterbukaan persekitaran organisasi kerajaan yang membenarkan kakitangan untuk bersosialisasi sesama mereka yang akhirnya menjadikan mereka boleh bersikap terbuka di antara satu sama lain. Orientasi organisasi yang terbuka seperti ini menyebabkan mereka selesa untuk menjadikan rakan sepejabat sebagai rakan Facebook (Jiang, Jennifer, & Lexi, 2014). Apabila sesebuah organisasi menggalakkan komunikasi dan kejelikan dalam kalangan kakitangan, maka persekitaran terbuka perkongsian maklumat akan terbentuk (Fayard & Weeks, 2007; Brzozowski et al., 2009). Hubungan yang terjalin melalui Facebook dalam kalangan kakitangan ternyata telah meningkatkan peluang perkongsian maklumat sesama mereka (Brzozowski., Sandholm, & Hogg, 2009). Oleh yang demikian, norma pengurusan komunikasi yang jelas dalam sesebuah organisasi perlu ada untuk menjadikan kakitangan lebih peka terhadap pengurusan sempadan privasi mereka. Keprihatinan terhadap pendedahan maklumat melalui Facebook pasti akan memberi impak positif atau negatif kepada organisasi.

5.3 Implikasi Kajian

Kajian ini memberikan tiga implikasi utama iaitu implikasi teoritikal, implikasi metodologikal dan implikasi praktikal.

5.3.1 Implikasi Teoritikal

Dari aspek implikasi teori, kajian ini dapat membuktikan peranan teori CPM sebagai teori asas kepada kajian berkaitan penggunaan Facebook khususnya dalam kalangan penjawat awam. Kajian ini membuktikan peranan faktor individu dan organisasi dapat menentukan pengurusan privasi komunikasi. Dapatan kajian ini menunjukkan kriteria utama dalam pengurusan privasi iaitu norma sesebuah organisasi menentukan sempadan privasi. Persekitaran sosial, motivasi dan penilaian risiko/faedah pula menjadi pemangkin sama ada maklumat wajar dikongsi atau tidak. Oleh itu, penggunaan teori CPM dalam kajian ini menyumbang kepada perkembangan penyelidikan berkenaan penggunaan Facebook dalam pentadbiran awam.

5.3.2 Implikasi Metodologikal

Dari aspek metodologi, penggunaan analisis statistik lanjutan Pemodelan Persamaan Struktur (SEM) berbantuan perisian SmartPLS (PLS-SEM) memberikan dimensi baharu dari sudut ketepatan pengukuran. Penggunaan PLS-SEM membenarkan penggunaan saiz sampel yang lebih kecil berbanding CB-SEM. Selain itu, PLS-SEM dijalankan dalam kajian berbentuk penerokaan.

5.3.3 Implikasi Praktikal

Dapatan kajian ini boleh digunakan bagi membantu meningkatkan kesedaran berkaitan pengurusan privasi komunikasi dalam talian bagi memastikan kredibiliti personal seseorang penjawat awam. Dua aspek yang perlu diberi penekanan penting

ialah penghargaan sendiri kakitangan dan persekitaran komunikasi dalam organisasi. Kajian lepas menunjukkan mereka yang bertanggapan bahawa kerja bermakna dan mereka yang setia dengan organisasi dapat mengekang penggunaan media sosial bagi tujuan peribadi (Jia, Jia & Karau, 2013; Garrett & Danziger, 2008). Justeru, dua tindakan wajar dipertimbangkan iaitu (1) program bagi meningkatkan kesetiaan dalam organisasi dan (2) mewujudkan satu persekitaran kerja yang memberi kepuasan kepada kakitangan.

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian, beberapa cadangan kajian lanjutan dapat dikemukakan. Kajian berdasarkan perbezaan tahap pengurusan privasi, kemahiran swaawas, keamatan dan pengurusan organisasi wajar dijalankan. Kajian seperti itu dapat memperkukuhkan dapatan kajian ini bagi menjelaskan pengaruh perbezaan tahap tersebut terhadap hubungan antarapemboleh ubah.

Selain daripada faktor-faktor yang diketengahkan dalam kajian ini, kajian lanjutan dicadangkan untuk mengambil kira faktor-faktor lain yang dicadangkan dalam teori CPM yang dijangka mempengaruhi penggunaan Facebook dalam perkhidmatan awam. Antaranya ialah perbezaan kriteria utama dalam pengurusan privasi yang disebabkan oleh perbezaan jantina. Kajian lanjutan juga wajar dijalankan bagi menentukan motif-motif penggunaan Facebook dalam kalangan penjawat awam agar dapat diuji kesannya terhadap pengurusan privasi. Dari aspek norma dan persekitaran sosial pula, pemboleh ubah berkaitan pengurusan dan kepimpinan juga wajar diuji.

Konteks kajian yang sama juga boleh diaplikasikan dalam kalangan kakitangan organisasi lain sama ada memfokuskan kepada kementerian yang khusus atau syarikat

swasta. Dapatan kajian tersebut kemudiannya boleh dibandingkan dengan dapatan kajian ini supaya corak pengurusan privasi dalam organisasi yang berbeza dapat dikenal pasti. Dapatan kajian tersebut juga dapat digunakan bagi menentukan penanda aras dalam orientasi privasi organisasi.

5.5 Kesimpulan

Dapatan kajian ini individu yang memiliki kemahiran swaawas mengamalkan sikap privasi dalam pengurusan privasi mereka. Mereka lebih berhati-hati terhadap pendedahan maklumat peribadi bagi membentuk sempadan privasi mereka. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian-kajian lepas yang menunjukkan mereka yang mempunyai kemahiran swaawas akan lebih fleksibel dan mampu mengawal pendedahan maklumat dalam hubungan interpersonal mereka (Child & Budu, 2010; Bello, 2005, Flynn et. al, 2006). Bertepatan dengan teori CPM, individu yang mempunyai kawalan sempadan privasi akan mempertimbangkan risiko dan faedah sesuatu pendedahan maklumat (Petronio, 2002). Keadaan ini berlaku kerana komunikasi melalui Facebook secara umumnya memberi kebaikan berbanding komunikasi bersemuka kerana ia berlaku secara tidak selari. Oleh itu mereka boleh berfikir dahulu sebelum mendedahkan sesuatu maklumat. Justeru, mereka mempunyai lebih kawalan terhadap privasi mereka. Namun, keadaan sebaliknya mungkin juga berlaku. Menurut Schouten, Valkenburg, Peter dan Antheunis (2007), kawalan ini menyebabkan mereka mendedahkan maklumat yang lebih terperinci bagi menggambarkan diri mereka yang sebenar sehingga menggugat sempadan privasi mereka. Ini menyebabkan mereka memperuntukkan banyak masa untuk mengurus penampilan sendiri di atas talian dan sanggup bersusah payah bagi memastikan ayat dan bahasa yang digunakan tidak disalah ertikan oleh pembaca. Dapatan kajian ini

menyokong dapatan kajian lepas yang menunjukkan kemahiran swaawas mempengaruhi keamatan penggunaan (Child & Agyeman-Bidu, 2010; Hall & Pennington, 2013; Kalpidou, Costin, dan Morris, 2011)

Teori CPM turut menekankan faktor kontekstual sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi pengurusan privasi (Petronio, 2002). Apabila organisasi membenarkan di kalangan pekerjanya untuk bersosialisasi sesama mereka di mana mereka boleh bersikap terbuka di antara satu sama lain, maka peningkatan keterbukaan sempadan kebolehtelapan akan tergambar di dalam orientasi privasi mereka (Petronio, 2002). Suasana ini menjadikan mereka selesa menjadikan rakan sepejabat sebagai rakan Facebook (Jiang, Jennifer, & Lexi, 2014). Ikatan tidak formal ini akan meningkatkan keamatan penggunaan Facebook. Selain itu, apabila sesebuah organisasi menggalakkan komunikasi dan kejelikan dalam kalangan kakitangan, maka persekitaran terbuka perkongsian maklumat akan terbentuk (Fayard & Weeks, 2007; Brzozowski et al., 2009). Hubungan yang terjalin melalui Facebook dalam kalangan kakitangan juga dapat meningkatkan peluang perkongsian maklumat sesama mereka. Dapatan kajian (Brzozowski., Sandholm, & Hogg, 2009) dapat menjelaskan situasi ini. Norma pengurusan organisasi sesebuah organisasi, akan menjadikan seseorang kakitangan lebih peka terhadap pengurusan sempadan privasi mereka. Ini adalah kerana mereka perlu prihatin terhadap pendedahan maklumat yang akan memberi impak negatif kepada organisasi. Oleh itu sejauhmana pendedahan ini sangat bergantung kepada pengurusan sempadan privasi mereka.

Keamatan penggunaan Facebook mewujudkan perasaan keterikatan dalam sesuatu kumpulan yang wujud (Grieve et al., 2012; Kobler et al., 2013). Perasaan ini menyebabkan mereka prihatin terhadap perasaan orang lain disebabkan kadar

penggunaan yang tinggi. Justeru, dapatan menyokong teori CPM yang mengatakan bahawa motivasi seseorang akan menentukan sempada privasinya. Dalam konteks ini, keamatan penggunaan Facebook yang digambarkan melalui sejauh mana mereka terlibat secara aktif dalam aktiviti Facebook, sejauhmana emosi mereka dipengaruhi oleh Facebook dan sejauh mana Facebook mempengaruhi kehidupan harian mereka mempengaruhi pengurusan sempadan privasi mereka. Mereka yang mempunyai keamatan yang tinggi tentunya akan lebih prihatin terhadap sejauhmana maklumat boleh dikongsikan bersama.



RUJUKAN

- Abdullah, M. C., Ling, L. M., & Roslan, S. (2014, January). Narcissism as Predictor of Facebook Usage Among Students in a Malaysian Public University. In *Proceedings of the International Conference on Science, Technology and Social Sciences (ICSTSS) 2012* (pp. 51-61). Springer Singapore.
- Acquisti, A., & Gross, R. (2006, January). Imagined communities: Awareness, information sharing, and privacy on the Facebook. In *Privacy enhancing technologies* (pp. 36-58). Springer Berlin Heidelberg.
- Allen, M. W., Walker, K. L., Coopman, S. J., & Hart, J. L. (2007). Workplace surveillance and managing privacy boundaries. *Management Communication Quarterly*, 21, 172-200.
- Altman, I., & Taylor, D. (1973). Social penetration: The development of interpersonal relationships. New York: Holt, Rinehart, and Winston.
- Bello, R. (2005). Situational formality, personality, and avoidance–avoidance conflict as causes of interpersonal equivocation. *Southern Communication Journal*, 70, 285–300.
- Bello, R. (2005). Situational formality, personality, and avoidance–avoidance conflict as causes of interpersonal equivocation. *Southern Communication Journal*, 70, 285–300.
- Berita Harian. (18 November 2013). 2013). Tak wajar bocor maklumat dokumen rasmi. Dicapai daripada <http://www2.bharian.com.my/articles/Takwajarbocormaklumatdokumenrasmi/Article/>
- BERNAMA. (11 September 2014). Kertas bahasa Inggeris 1 dan 2 UPSR turut bocor - Idris Jusoh. Dicapai daripada <http://www.astroawani.com/news/show/kertas-bahasa-inggeris-1-dan-2-upsr-turut-bocor-idris-jusoh-43720>
- BERNAMA. (7 April 2014). Tiada Kompromi Bocor Rahsia Kerajaan - Timbalan Menteri Pertahanan. Dicapai daripada http://web6.bernama.com/bernama/v3/bm/news_lite.php?id=1028505
- BERNAMA. (7 Oktober 2014). Kakitangan bertanggungjawab 71% kebocoran maklumat. Dicapai daripada <http://polopoly.karangkraf.com:8080/preview/www/2.657/1.322995>
- Boon, S., & Sinclair, C. (2009). A world I don't inhabit: disquiet and identity in Second Life and Facebook. *Educational Media International*, 46(2), 99-110.
- Brzozowski, M. J., Sandholm, T., & Hogg, T. (2009, May). Effects of feedback and peer pressure on contributions to enterprise social media. In *Proceedings of the ACM 2009 international conference on Supporting group work* (pp. 61-70). ACM.

- Buffardi, L. E., & Campbell, W. K. (2008). Narcissism and social networking sites. *Personality and Social Psychology Bulletin, 34*, 1303–1314. <http://dx.doi.org/10.1177/0146167208320061>.
- Campbell, D. A., Lambright, K. T., & Wells, C. J. (2014). Looking for friends, fans, and followers? Social media use in public and nonprofit human services. *Public administration review, 74*(5), 655-663.
- Caughlin, J. P., & Afifi, T. D. (2004). When is topic avoidance unsatisfying? Examining moderators of the association between avoidance and dissatisfaction. *Human Communication Research, 30*, 479–513.
- Chang, C. W., & Heo, J. (2014). Visiting theories that predict college students' self-disclosure on Facebook. *Computers in Human Behavior, 30*, 79-86.
- Chang, C., Hung, S., Cheng, M. & Wu, C. (2015). Exploring the intention to continue using social networking sites: The case of Facebook. *Technological Forecasting and Social Change, 95*, 48–56.
- Chen, B., & Marcus, J. (2012). Students' self-presentation on Facebook: An examination of personality and self-construal factors. *Computers in Human Behavior, 28*, 2091–2099. <http://dx.doi.org/10.1016/j.chb.2012.06.013>.
- Child, J. T., and Agyeman-Bidu, E. A. (2010). Blogging privacy management rule development: The impact of self-monitoring skills, concern for appropriateness, and blogging frequency. *Computers in Human Behavior, 26*, 957-963.
- Child, J. T., Pearson, J. C., & Petronio, S. (2009). Blogging, communication, and privacy management: Development of the blogging privacy management measure. *Journal of the American Society for Information Science and Technology, 60*, 2079–2094.
- Chow, W. S., & Chan, L. S. (2008). Social network, social trust and shared goals in organizational knowledge sharing. *Information & Management, 45*(7), 458-465.
- Christofides, E., Muise, A., & Desmarais, S. (2009). Information disclosure and control on Facebook: are they two sides of the same coin or two different processes?. *CyberPsychology & Behavior, 12*(3), 341-345.
- Clayton, R. B., Osborne, R. E., Miller, B. K., & Oberle, C. D. (2013). Loneliness, anxiousness, and substance use as predictors of Facebook use. *Computers in Human Behavior, 29*(3), 687-693.
- DiMicco, J. M., & Millen, D. R. (2007, November). Identity management: multiple presentations of self in Facebook. In *Proceedings of the 2007 international ACM conference on Supporting group work* (pp. 383-386). ACM.
- DiMicco, J., Millen, D. R., Geyer, W., Dugan, C., Brownholtz, B., & Muller, M. (2008, November). Motivations for social networking at work. In *Proceedings*

of the 2008 ACM conference on Computer supported cooperative work (pp. 711-720). ACM.

- Dyer, J., & Nobeoka, K. (2002). Creating and managing a high performance knowledge-sharing network: the Toyota case.
- Eisenberg, E. and Witten, M. (1987). Reconsidering openness in organizational communication. *Academy of Management Review*, 12(3), 418–426.
- Ellison, N. B., Steinfield, C., & Lampe, C. (2007). The Benefits of Facebook “Friends:” Social Capital and College Students’ Use of Online Social Network Sites. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 12 (4), 1143–1168.
- Ellison, N., Heino, R., & Gibbs, J. (2006). Managing Impressions Online: Self-Presentation Processes in the Online Dating Environment. *Journal Of Computer-Mediated Communication*, 11(2), 415-441.
- Fayard, A. L., & Weeks, J. (2007). Photocopiers and water-coolers: The affordances of informal interaction. *Organization studies*, 28(5), 605-634.
- Flynn, F. J., Reagans, R. E., Amanatullah, E. T., & Ames, D. R. (2006). Helping one’s way to the top: Self-monitors achieve status by helping others and knowing who helps whom. *Journal of Personality and Social Psychology*, 91, 1123–1137.
- Fogel, J., & Nehmad, E. (2009). Internet social network communities: Risk taking, trust, and privacy concerns. *Computers in human behavior*, 25(1), 153-160.
- Frampton, B. R. D. (2010). Managing Facebook Friend Requests in Workplace Relationships: *An Application of Communication Privacy Management Theory* (Doctoral dissertation, Kent State University).
- Gangestad, S. W., & Snyder, M. (2000). Self-monitoring: appraisal and reappraisal. *Psychological bulletin*, 126(4), 530.
- Garrett, R. K., & Danziger, J. N. (2008). Disaffection or expected outcomes: Understanding personal Internet use during work. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 13, 937-958. doi:10.1111/j.1083-6101.2008.00425.x
- Golish, T. D., & Caughlin, J. P. (2002). “I’d rather not talk about it”: Adolescents’ and young adults’ use of topic avoidance in stepfamilies. *Journal of Applied Communication Research*, 30, 78–106.
- Haase, A. Q., Wellman, B., Witte, J., & Hampton, K. (2002). Capitalizing on the Internet: Social contact, civic engagement, and sense of community. In B. Wellman & C. Haythronthwaite (Eds.), *The Internet and Everyday Life* (pp. 291-394). Oxford, UK: Blackwell.
- Hair, J. F., Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2011). PLS-SEM: Indeed a silver bullet. *The Journal of Marketing Theory and Practice*, 19(2), 139-152.

- Hall, J. A. & Pennington, N. (2013). Self-monitoring, honesty, and cue use on Facebook: The relationship with user extraversion and conscientiousness. *Computers in Human Behavior*, 29, 1556-1564.
- Hall, J.A., Park, N., Song, H., & Cody, M.J. (2010). Strategic misrepresentation in online dating: The effects of gender, self-monitoring, and personality traits. *Journal of Social and Personal Relationships* 27 (1), 117-135
- Hamid, N. A., Ishak, M. S., Ismail, S. A., & Yazam, S. S. N. M. (2013). Social media usage among university students in Malaysia. *Social Media and the New Academic Environment: Pedagogical Challenges*, 244-255.
- Hartijasti, Y. & Fathonah, N. (2015). Motivation of cyberloafers in the workplace across generations in Indonesia. *International Journal of Cyber Society and Education*, 8(1), doi: 10.7903/ijcse.1360
- Herbsleb, J. D., Atkins, D. L., Boyer, D. G., Handel, M., & Finholt, T. A. (2002, April). Introducing instant messaging and chat in the workplace. In *Proceedings of the SIGCHI conference on Human factors in computing systems* (pp. 171-178). ACM.
- Jackson, A., Yates, J., & Orlikowski, W. (2007, January). Corporate Blogging: Building community through persistent digital talk. In *System Sciences, 2007. HICSS 2007. 40th Annual Hawaii International Conference on* (pp. 80-80). IEEE.
- Jia, H., Jia, R., & Karau, S. (2013). Cyberloafing and personality: The impact of the Big Five traits and workplace situational factors. *Journal of Leadership & Organizational Studies*, 20, 358-365. doi:10.1177/1548051813488208
- Jiang, Y., Jennifer L. H., & Lexi, P. (2014). Coworkers and Supervisors on Facebook? Effect of Workplace Friendship, Trust, and Sex. *Psi Chi Journal of Psychological Research*, 19 (3), 144-153
- Joinson, A. N. (2008). Looking at, looking up or keeping up with people?: Motives and use of Facebook. In: *Proceedings of the SIGCHI Conference on Human Factors in Computing Systems*. New York: ACM, 1027–1036.
- Joinson, A. N. (2008, April). Looking at, looking up or keeping up with people?: motives and use of Facebook. In *Proceedings of the SIGCHI conference on Human Factors in Computing Systems* (pp. 1027-1036). ACM.
- Jones, H., & Soltren, J. H. (2005). Facebook: Threats to privacy. *Project MAC: MIT Project on Mathematics and Computing*, 1.
- Kalpidou, M. Costin, D., & Morris, J. (2011). The relationship between Facebook and the well-being of undergraduate college students. *Cyberpsychology, Behavior, And Social Networking*, 14(4). Doi: 10.1089/cyber.2010.0061
- Kaplan, A. M., & Haenlein, M. (2010). Users of the world, unite! The challenges and opportunities of Social Media. *Business horizons*, 53(1), 59-68.

- Kavanaugh, A., Yang, S., Sheetz, S., Tzy, L., & Fox, E. (2011). Between a Rock and a Cell Phone: Social Media Use during Mass Protests in Iran, Tunisia and Egypt. *ACM Trans. Of CHI*, 1(1), 1-10.
- Kenski, K. & Stroud, N. J. (2006). Connections Between Internet Use and Political Efficacy, Knowledge, and Participation. *Journal of Broadcasting & Electronic Media*, 50(2), 173-192.
- Kevin, P., Lori, B. & Bethany, V. (2010) The Use of Alternative Social Networking Sites in Higher Educational Settings: A Case Study of the E-Learning Benefits of Ning in Education. *Journal of Interactive Online Learning*, 9(2), summer 2010.
- Kim, J., & Lee, J. E. R. (2011). The Facebook paths to happiness: Effects of the number of Facebook friends and self-presentation on subjective well-being. *Cyberpsychology, Behavior and Social Networking*, 14, 359–364.
- Kramer, N. C., & Winter, S. (2008). Impression management 2.0: The relationship of self-esteem, extraversion, self-efficacy, and self-presentation within social networking sites. *Journal of Media Psychology: Theories, Methods and Applications*, 20, 106–116.
- Kramer, N.C. & Winter, S. (2008). Impression Management 2.0 The Relationship of Self-Esteem, Extraversion, Self-Efficacy, and Self-Presentation Within Social Networking Sites. *Journal of Media Psychology*, 20(3), 106-116.
- Krasnova, H., Spiekermann, S., Koroleva, K., & Hildebrand, T. (2010). Online social networks: why we disclose. *Journal of Information Technology*, 25(2), 109-125.
- Kraut, R. E., Fish, R. S., Root, R. W., & Chalfonte, B. L. (1990). Informal communication in organizations: Form, function, and technology. In *Human reactions to technology: Claremont symposium on applied social psychology* (pp. 145-199).
- Lampe, C., Ellison, N., & Steinfield, C. (2006) A Face(book) in the crowd: Social searching vs. social browsing. In: *Proceedings of the 2006 20th Anniversary Conference on Computer Supported Cooperative Work*. New York: ACM, 167–170.
- Lee, S.M., Lee, S.G., & Yoo, S. (2004). An integrative model of computer abuse based on social control and general deterrence theories. *Information and Management*, 41(6), 707-718. <http://dx.doi.org/10.1016/j.im.2003.08.008>.
- Liu, D., & Brown, B. B. (2014). Self-disclosure on social networking sites, positive feedback, and social capital among Chinese college students. *Computers in Human Behavior*, 38, 213-219.
- Madden, M. & Smith, A. (2010). Reputation Management and Social Media. *Pew Internet & American Life Project*.

- Malaysia. (2009). *Perintah-perintah Am Bab 'A' - Bab 'G', Peraturan-peraturan Lembaga Tata tertib Perkhidmatan Awam...: Semua pindaan hingga Mei, 2009* (Edisi 2009.). Kuala Lumpur: MDC Publishers Sdn.Bhd.
- Meshi, D. Morawetz, C. & Heekeren, H. R. (2013). Nucleus accumbens response to gains in reputation for the self relative to gains for others predicts social media use. *Frontiers in Human Neuroscience*, <http://dx.doi.org/10.3389/fnhum.2013.00439>.
- Mohammad Aziz Shah, M. A., Irna, A. L., Wan Rosni, W.M., Siti Noratikah, A. R., & Juwita Sayang, A. R. (2013). Strategi menangani ketagihan penggunaan Facebook dalam kalangan pelajar sekolah menengah: Satu kajian kes. *Jurnal Personalita Pelajar*, 16, 93-103.
- Mohd Zaidi, M. & Bahiyah, O. (2013). Motif dan kekerapan penggunaan Facebook dalam kalangan pelajar universiti. *Jurnal Komunikasi*, 29(1), 35-54.
- Mohd Effendi Mohd Matore (2010). Facebook : Fenomena yang membawa ketagihan. Proceedings of Regional Conference on Knowledge Integration in ICT 2010. Diakses dari http://www.kuis.edu.my/ictconf/proceedings/606_integration2010
- Morr Serewicz, M. C., Dickson, F. C., Huynh Thi Anh Morrison, J., & Poole, L. L. (2007). Family privacy orientation, relational maintenance, and family satisfaction in young adults' family relationships. *Journal of Family Communication*, 7(2), 123-142.
- Morr, M. C. (2002). Private disclosure in family membership transition: In-laws' disclosures to newlyweds (Doctoral dissertation). Retrieved from <http://search.proquest.com.proxy.library.ndsu.edu/docview/250854617/fulltextPDF/134E36645BB6B227605/1?accountid=6766>
- Morrison, R. L., & Nolan, T. (2007). Too much of a good thing? Difficulties with workplace friendships. *Business Review*, 9, 33-41.
- Nadkarni, A., & Hofmann, S. G. (2012). Why do people use Facebook?. *Personality and Individual Differences*, 52, 243-249.
- Neely, L. S. P. (2011). An Analysis of Facebook Intensity and Privacy Management Practices of Public School Educators in the United States. *ProQuest LLC*. 789 East Eisenhower Parkway, PO Box 1346, Ann Arbor, MI 48106.
- Pacanowsky, M. E., & O'Donnell-Trujillo, N. (1983). Organizational communication as cultural performance. *Communications Monographs*, 50(2), 126-147.
- Park, N., Kee, K. F., & Valenzuela, S. (2009). Being immersed in social networking environment: Facebook groups, uses and gratifications, and social outcomes. *CyberPsychology & Behavior*, 12(6), 729-733.
- Pempek, T. A., Yermolayeva, Y. A., & Calvert, S. L. (2009). College students' social networking experiences on Facebook. *Journal of Applied Developmental Psychology*, 30, 227-238. <http://dx.doi.org/10.1016/j.appdev.2008.12.010>.

- Perlman, B. J. (2012). Social Media Sites at the State and Local Levels Operational Success and Governance Failure. *State and Local Government Review*, 44(1), 67-75.
- Petronio, S. (2002). *Boundaries of Privacy: Dialectics of Disclosure*. Albany, NY: State University of New York Press.
- Pettijohn, T. F. II, LaPiene, K. E., Pettijohn, T. F., & Horting, A. L. (2012). Relationships between Facebook Intensity, Friendship Contingent Self-Esteem, and Personality in U.S. College Students . *Cyberpsychology: Journal of Psychosocial Research on Cyberspace*, 6(1), article 1. doi: 10.5817/CP2012-1-2
- Pilch, C. (February 16, 2009). Social media marketing and web 2.0: What are they, and how can they help you bring in more business. Business West. Retrieved September 8, 2009, from <http://businesswest.com/details.asp?id=1916>
- Rom, E., & Alfasi, Y. (2014). The Role of Adult Attachment Style in Online Social Network Affect, Cognition, and Behavior. *Journal of Psychology*, 1(1), 25.
- Rosenberg, J. & Egbert, N. (2011). Online Impression Management: Personality Traits and Concerns for Secondary Goals as Predictors of Self-Presentation Tactics on Facebook. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 17(1), 1–18.
- Ross, C., Orr, E. S., Sisic, M., Arseneault, J. M., Simmering, M. G., & Orr, R. R. (2009). Personality and motivations associated with Facebook use. *Computers in Human Behaviors*, 25, 578-586.
- Ryan, T. & Xenos, S. (2011). Who uses Facebook? An investigation into the relationship between the Big Five, shyness, narcissism, loneliness, and Facebook usage. *Computers in Human Behavior*, 27(5), 1658–1664.
- Schouten, A. P., Valkenburg, P. M., Peter, J., & Antheunis, M. (2007). An experimental test of processes underlying self-disclosure in computer-mediated communication. Paper presented at the annual meeting of the International Communication Association, San Francisco, CA.
- Sharifah Nazatul Faziera, S. P. (2015). Kajian terhadap motif pelajar perempuan dalam penggunaan Facebook dan ketagihan Facebook. Unpublished Report Project. Universiti Malaysia Sabah, Malaysia.
- Siti Ezaleila, M. & Azizah, H. (2011). Media Baharu yang Baharu: Trend Penggunaan Jaringan Sosial Dalam Kalangan Pengguna di Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 13(2) 93–110
- Snyder, M. (1974). Self-monitoring of expressive behavior. *Journal of Personality and Social Psychology*, 30(4), 526-537.
- Snyder, M. (1987). *Public appearances/private realities: The psychology of self-monitoring*. New York: W. H. Freeman.

- Socialbakers. (2012). Socialbakers.com (2012). Retrieved from <http://www.socialbakers.com/Facebook-statistics/malaysia>.
- Sosik, V. S., & Cosley, D. (2014). Leveraging social media content to support engagement in positive interventions. *The Journal of Positive Psychology*, (ahead-of-print), 1-7.
- Stanton, J. M., & Stam, K. R. (2003). Information technology, privacy, and power within organizations: A view from boundary theory and social exchange perspectives. *Surveillance & Society*, 1, 152-190.
- Stern, L. A., & Taylor, K. (2007). Social networking on Facebook. *Journal of the Communication, Speech and Theatre Association of North Dakota*, 20, 9–20.
- Tufekci, Z. (2008). Grooming, gossip, Facebook and MySpace: What can we learn about these sites from those who won't assimilate?. *Information, Communication & Society*, 11(4), 544-564.
- Turel, O., & Serenko, A. (2012). The benefits and dangers of enjoyment with social networking websites. *European Journal of Information Systems*, 21(5), 512-528.
- Turel, O., Serenko, A., & Bontis, N. (2010). User acceptance of hedonic digital artifacts: A theory of consumption values perspective. *Information & Management*, 47(1), 53-5
- Waters, R., Nuttall, C., & Gelles, D. (February 26, 2009). Sweet to tweet. *The Financial Times*. Retrieved January 6, 2011, from <http://www.ft.com/cms/s/0/5e1e10c0-043d-11de-845b-000077b07658.html#axzz1DCo0jIT4>
- Williams, J. P. (2006). Authentic identities: Straightedge subculture, music and the Internet. *Journal of Contemporary Ethnography*, 35, 173-200.
- Wilson, R. E., Gosling, S. D., & Graham, L. T. (2012). A review of Facebook research in the social sciences. *Perspectives on psychological science*, 7(3), 203-220.
- Wright, C. N., Holloway, A., & Roloff, M. E. (2007). The dark side of self-monitoring: How high self-monitors view their romantic relationships. *Communication Reports*, 20, 101-114.
- Y.J. Park, Y.J. (2011). Digital Literacy and Privacy Behavior Online. *Communication Research*.
- Yu, S., Hsu, W., Yu, M., & Hsu, H. (2012). Is the use of Social Networking Sites Correlated with Internet Addiction? Facebook Use among Taiwanese College Students. *International Scholarly and Scientific Research & Innovation*, 6(8) , 1399-1401.

Zhao, S., Grasmuck, S., & Martin, J. (2008). Identity construction on Facebook: Digital empowerment in anchored relationships. *Computers in Human Behavior*, 24, 1816–1836. <http://dx.doi.org/10.1016/j.chb.2008.02.012>.

